


Jilid III
Bil. 26

Hari Isnin
24hb Oktober, 1977



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Datuk Harris bin Mohd. Salleh [Ruangan 2877]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 2877]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 2877]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 2878]

Y.B. Tuan Azahari bin Md. Taib — Mempengerusikan Mesyuarat [Ruangan 2945]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 2880]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

[Ruangan 2910]

USUL-USUL:

Usul-usul untuk mengemukakan Rang Undang-undang Persendirian:

Meminda Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 dan Akta Perhubungan

Perusahaan, 1967 [Ruangan 2911]

Akta Melindungi Pekerja-pekerja dan Gaji Minima, 1977 [Ruangan 2945]

Meminda Akta Biro Siasatan Negara, 1973 [Ruangan 2961]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR.
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.,
(Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN
DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K., (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI
ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K.
(Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATO' HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bahru).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK SERI DR. NEO YEE PAN (Muar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M, SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J. S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa)
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

- Yang Berhormat TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 24hb Oktober, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Datuk Harris bin Mohd. Salleh

**PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUA**

MENGALU-ALUKAN AHLI BAHARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang kepada Ahli baru yang telah mengangkat sumpah dalam Dewan ini sebentar tadi, dan berharap semoga beliau dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuaratnya yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:—

1. Akta Perbekalan Tambahan (1977) 1977;

2. Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) 1977;
3. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) (No. 2) 1977;
4. Akta Setem (Pindaan) 1977;
5. Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977;
6. Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) 1977;
7. Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) (No. 2) 1977;
8. Akta Racun (Nateriam Arsenit) (Pindaan) 1977;
9. Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Islam) 1977;
10. Akta Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) (Pindaan) 1977;
11. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 3) 1977;
12. Akta Persatuan Peladang (Pindaan) 1977;
13. Akta Ahli Kimia (Pindaan) 1977;
14. Akta (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur (Pindaan) 1977; dan
15. Akta Kawalan Timah (Pindaan) 1977.

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat tempoh hari.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:—

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1977);
2. Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) (No. 2);
4. Rang Undang-undang Setem (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Pinjaman (Bank Pembangunan Islam);
6. Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) (No. 2);
8. Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam;
9. Rang Undang-undang Racun (Natriam Arsenit) (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Kawalan Timah (Pindaan);
11. Rang Undang-undang (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Persatuan Peladang (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) (Pindaan); dan
15. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2).

Tandatangan:
**YANG DI-PERTUA
 DEWAN NEGARA”.**

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

TAMAN ENDAU-ROMPIN

1. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:—

- (a) berapa ekarkah luas kawasan Taman Endau-Rompin yang dicadangkan itu telah dikeluarkan dengan lesen membalak;
- (b) nama-nama orang yang telah diberikan lesen membalak dan berapa luaskah mengikut ekar bagi tiap-tiap lesen; dan
- (c) syarikat-syarikat membalak yang manakah yang pada masa ini sedang membalak di Taman Endau-Rompin ini.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan, iaitu Pahang dan Johor dan hasilnya atas soalan-soalan (a), (b) dan (c) ialah seperti berikut:—

- (a) kawasan-kawasan yang telah dikeluarkan dengan lesen membalak di Taman Endau-Rompin meliputi Negeri Johor ialah 16,387 ekar. Angka-angka ini adalah termasuk lesen-lesen yang telah selesai dikerjakan semenjak pemberian lesen pada tahun 1963.
- (b) nama-nama pelesen yang telah dikurniakan lesen membalak oleh Kerajaan Negeri Johor semenjak tahun 1963 hingga ke hari ini adalah seperti berikut:—

(i) *kawasan yang sedang dikerjakan*

Kilang Papan Endau	2,090 ekar	
Ban Lee Yoong	312 ekar	
Mohammad bin Kallang	200 ekar	
Mohd. bin Yusof	400 ekar	
Syarikat Sukama	900 ekar	
Syarikat Datuk Aziz Ismail	300 ekar	
Syarikat Acca	400 ekar	4,602 ekar

(ii) *Kawasan yang telah dikerjakan*

Kilang Papan Endau (kawasan perjanjian)	5,439 ekar	
Latif	2,322 ekar	
Ban Lee Yoong	1,820 ekar	
Lesen-lesen dalam daerah Labis (nama-nama lesen tidak dapat ditentukan)	2,204 ekar	11,785 ekar
Jumlah:	16,387 ekar	

- (c) Syarikat-syarikat yang sedang mengerjakan kawasan-kawasan Taman Endau-Rompin di Negeri Johor adalah seperti (b) (i) di atas.

Saya berdukacita tidak dapat memberi maklumat-maklumat berhubung dengan kawasan yang meliputi Negeri Pahang oleh sebab maklumat-maklumat ini belum diterima lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan samada benar bahawa Kementerian beliau telah menerima banyak rayuan daripada organisasi-organisasi dan badan-badan yang meminta supaya pembalakan di Taman Endau-Rompin diberhentikan atas kepentingan alam sekitar, dan jika ini benar, apakah tindakan yang telah diambil dan samada Kerajaan akan mengambil satu keputusan samada hendak memberhentikan pembalakan di sana.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian saya menjawabnya tidak benar oleh sebab rayuan tidak disampaikan kepada Kementerian saya. Oleh sebab masalah ini ialah berhubung dengan Alam Sekitar barangkali benar kepada Kementerian yang berkenaan. Walau bagaimanapun, oleh sebab saya bangun bercakap tanggungjawab soal Ahli Yang Berhormat berhubung dengan Kementerian saya; itulah jawapannya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soal ini ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar? Tadi Yang Berhormat Menteri ada menjawab, adakah beliau jawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar seperti yang tercatat dalam Order Paper ini ataupun bagi pihak Kementerian beliau sendiri oleh kerana kita mahu buat soalan-soalan tambahan yang mengenai Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap soalan yang dikemukakan ke Parlimen dikaji oleh pihak Kerajaan dan oleh sebab soalan (a), (b) dan (c) ini cuma berkehendakan facts and figures sahaja dan tidak ada hubungan dengan masalah alam sekitar, maka saya telah dipertugaskan untuk menjawabnya. Walau bagaimanapun, kalau tidak salah saya ada soalan No. 5 pada hari ini yang dikemukakan kepada Menteri yang berkenaan dan bolehlah masalah ini dibangkitkan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, kita di pihak sini tidak hirau siapa yang menjawab, tetapi sesiapa yang menjawab bagi pihak Kerajaan hendaklah mampu menjawab soalan-soalan tambahan. Sebab kalau mereka tidak boleh membuat demikian ini hanya buang masa sahaja dan soalan tambahan saya ialah selepas Kerajaan menunjukkan atau tunjuk niat mahu isytiharkan Taman Endau-Rompin sebagai satu taman nasional, berapa lesen-lesen balak baru telah dikeluarkan dan yang kedua, kenapa pihak Kerajaan Persekutuan begitu lewat untuk menggezetkan Endau-Rompin sebagai National Park untuk memperlindungi nyawa-nyawa binatang liar dan alam sekitar di Endau-Rompin?

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini terkeluar daripada pertanyaan asal. Pertanyaan asalnya telah dijawab dengan tepatnya oleh Menteri yang bersangkutan-paut dengan memberi segala fakta-fakta (facts) dan angka-angka.

POLISI INSURAN NYAWA

2. **Dr. Hee Tien Lai** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan rakyat Malaysia yang sedang memegang polisi insuran nyawa;
- (b) peratus pendapatan negara yang di-insurankan bagi Malaysia;
- (c) samada beliau sedar bahawa pindaan perlu segera dibuat kepada Akta Insuran bagi memperindungi kepentingan-kepentingan mereka yang di-insurankan sebagaimana yang telah berlaku baru-baru ini mengenai pengantungan kes First General Insuran (M) Bhd; dan
- (d) mengapakah kes First General Insuran (M) Bhd. ini keadaannya dibiarkan merosot kepada keadaan yang terdapat sekarang sebelum akhirnya kes ini digantung oleh Kerajaan dalam bulan Julai 1977 walaupun terdapat tanda-tanda awal tentang kegagalan perniagaannya yang akan menimpa dan juga terdapat masa yang mencukupi bagi membolehkan pemeriksaan dibuat sebelum keadaannya menjadi tidak terkawal dan dengan hal yang demikian memerlukan digantung.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah bilangan polisi-polisi insuran nyawa yang berkuatkuasa pada akhir tahun 1976 telah dianggarkan sebanyak 535,824 dan oleh kerana setengah orang di Malaysia termasuk yang bukan warganegara Malaysia memegang lebih daripada satu polisi tidaklah boleh hendak memberikan jumlah bilangan yang tepat bagi pemegang-pemegang polisi di Malaysia.
- (b) Adalah sukar untuk menentukan jumlah bahagian pendapatan negara Malaysia yang di-insurankan, oleh kerana tidak seperti perniagaan insuran nyawa tidak ada jumlah wang

yang tertentu diinsurankan bagi berbagai-bagai jenis perniagaan insuran am misalnya polisi tanggungan awam, polisi pampasan pekerja dan risiko insuran motor kecederaan atas diri pihak ketiga dan lain-lain. Akan tetapi jumlah premium kasar bagi perniagaan insuran am telah bertambah daripada \$71.1 juta dalam tahun 1965 kepada kira-kira \$350 juta dalam tahun 1976, iaitu penambahan 5 kali ganda. Ini menunjukkan jumlah bahagian aset negara yang diinsurankan telah bertambah.

- (c) Kementerian ini sekarang sedang mengkaji Akta Insuran terutamanya bertujuan untuk melindungi kepentingan orang-orang yang diinsurankan dan untuk memastikan perkembangan sihat industri insuran.
- (d) Masalah-masalah yang dihadapi oleh Syarikat FGI telah dapat dikesan seawal-awalnya dua tahun dahulu dan langkah-langkah memperbaiki keadaan pada mulanya telah diambil dan ada beberapa perubahan yang dibuat dalam pengurusan. Juga langkah-langkah telah diambil untuk mengadakan perundingan dengan pihak-pihak yang berminat untuk mengambil-alih syarikat itu. Percubaan awal tidak menghasilkan apa-apa faedah yang positif oleh kerana persetujuan tidak dapat dicapai mengenai syarat-syarat penjualan dan pembelian. Percubaan kedua melibatkan perundingan dengan ahli-ahli di kalangan syarikat insuran tempatan dengan matlamat akhir menubuhkan syarikat insuran tempatan yang baru untuk mengambil-alih FGI. Akan tetapi memandangkan gentingnya keadaan dan dirasakan perlu untuk menyelesaikan hal ini dengan secepat mungkin maka sebuah syarikat baru telah didaftarkan untuk mengambil-alih bahagian risiko yang belum cukup tempoh bagi polisi-polisi yang ada sekarang dalam milik FGI dengan

tidak mengenakan bayaran lebih kepada pemegang-pemegang polisi. Ini berkuatkuasa mulai dari 1hb. September, 1977. Ingin juga saya memaklumkan bahawa syarikat ini juga telah diarahkan untuk menyusun semula pengurusan syarikat untuk membenarkan penyertaan ikuiti bumiputra yang selaras dengan dasar Kerajaan.

TEMBAKAN KE ATAS PELARIAN POLIS DI IPOH

3. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau telah mengarah supaya satu siasatan diadakan terhadap penembakan awam yang dilakukan sewenang-wenangnya oleh pihak polis ke atas pelarian-pelarian polis di tengah bandar Ipoh pada 13hb. Ogos, 1977, lebihkurang pada pukul 4 petang yang telah mengakibatkan tiga kematian dan beberapa orang cedera, jika ya, nyatakan hasil siasatan tersebut;
 - (b) samada Ketua Polis Negeri Perak atau pegawai-pegawai Polis tinggi yang lain telah memberi kebenaran untuk satu rancangan polis itu yang melibatkan penembakan ke atas pelarian-pelarian polis itu yang dilakukan secara sewenang-wenang tanpa sebarang perasaan di mana selain dari Devinder Singh yang bersenjata, pelarian-pelarian polis yang lain tidak bersenjata dan mereka juga menjadi tebusan kerana mereka dipaksa turut mengikuti Devinder Singh; dan
 - (c) apakah tindakan yang telah diambil terhadap inspektor polis yang akibat kelalaiannya telah membenarkan Devinder Singh berjaya mendapatkan sepucuk pistol dengan mana peristiwa tersebut telah bermula.
- (a) Kenyataan Yang Berhormat dari Kota Melaka itu saya kira kalau dia menuhkan penembakan awam yang dilakukan sewenang-wenang oleh pihak polis itu adalah satu tohmahan yang tidak patut dikeluarkan. Sebaliknya, kejadian tersebut telah membuktikan bahawa pihak polis berjaya menjalankan tugas dengan cemerlangnya menggagalkan tindakan orang-orang tahanan yang cuba lari dari tahanan serta melepaskan seorang pegawai polis yang dijadikan tebusan. Walau bagaimanapun, siasatan sedang diselenggarakan dan kes tersebut akan diedarkan kepada Pendakwa Raya untuk nasihat dan arahnya.
 - (b) Seperti yang telah saya nyatakan di (a) tadi masalah tembakan sewenang-wenangnya tidaklah berbangkit langsung dalam kes ini. Walaupun hanya Devinder Singh sahaja yang bersenjata, kelima-lima orang tebusan yang lain itu bukanlah orang-orang tebusannya. Sebaliknya, mereka adalah rakan sahabatnya dan bersubahat dalam rancangan untuk melarikan diri dari tahanan polis. Orang tebusan yang sebenarnya ialah seorang Koperal Polis dan tindakan Devinder Singh dan rakan-rakan yang bersubahat dengannya tadi telah mengancamkan keselamatan pegawai-pegawai polis tersebut serta sesiapa yang cuba menghalang rancangan mereka itu. Tambahan pula Devinder Singh adalah seorang bekas anggota polis yang telah dibuang kerja. Dalam hal ini pihak polis harus berhati-hati dan mengambil tindakan yang bijak untuk menghadapi Devinder Singh yang polis tahu mendapat latihan dalam menggunakan senjata. Memandangkan keadaan keselamatan pegawai polis yang berkenaan serta orang-orang awam pada waktu tersebut tindakan sewajarnya telah diambil oleh pihak polis untuk mengawal kejadian tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua,

- (c) Siasatan terhadap pegawai polis yang berkenaan belum lagi selesai, sebaik sahaja selesai, maka kes tersebut akan diberi pertimbangan dengan sewajarnya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Sebelum itu saya hendak menyatakan bahawa saya tidak mempertahankan Devinder Singh di sini. Tetapi tindakan polis terhadap orang-ramai di bandar Ipoh. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini berapakah butir peluru yang telah dilepaskan oleh polis di saat itu. Adakah benar beratus-ratus peluru telah digunakan?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Itu minta maaf saya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak bertanya seperti begitu terpaksa saya minta notis dulu. Tetapi saya tahu Devinder Singh sendiri menembak beberapa das.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa Devinder Singh selepas mendapat sepucuk pistol yang di dalamnya terdapat lima butir peluru dan beliau menembak dua das ke atas sebagai tanda beliau mahu lari. Dia ada kata kepada pegawai-pegawai polis bahawa tujuannya ialah untuk lari sahaja dan dalam pistol tinggal tiga butir peluru. Adakah wajar dan patut di tempat orang ramai polis menggunakan machine-gun untuk tangkap atau bunuh Devinder Singh dan lain-lain orang yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri bukan tebusan tetapi sahabat-sahabatnya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya satu butir peluru pun kalau boleh membunuh orang mesti kita ambil tindakan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sungguhpun Devinder Singh adalah seorang yang merbahaya dan mempunyai sepucuk pistol dengan tiga butir peluru di dalamnya, adakah apa-apa cara yang digunakan untuk wearing him down atau lain-lain

cara digunakan oleh kerana Devinder Singh adalah seorang sahaja dan orang-orang lain tidak ada senjata. Ada seorang bernama Miss Low yang berumur 24 tahun telah tercedera disebabkan tembakan-tembakan yang dilakukan dengan sewenang-wenangnya dan nasib baik tidak ramai orang mendapat cedera.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tanya fikiran Yang Berhormat Menteri. Masa berlaku Yang Berhormat Menteri mana tahu dan hendak buat kawalan.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan fikiran, tetapi cari satu cara untuk polis menghadapi satu keadaan yang semacam ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap keadaan itu kita mesti hati-hati mengikut masa dan caranya. Bukan nasib baik maka kurang orang kena peluru yang bercelaru itu. Maka ini adalah kepandaian polis, maka tidak ada orang lain yang kena. Bukan nasib baik.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri tahu orang-ramai hendak tanya dan saya sendiri pun hendak tanya kalau begitu sikap polis kenapakah semasa Red Army rampas AIA yang orang asing ada terlibat, tidak dibuat begitu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Itu soal lain. Kalau Red Army itu sudah cerita lain.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bersangkutan-paut!

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Bukan sahaja tidak bersangkutan-paut

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak bersangkutan-paut.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Kalau pihak polis tidak buat apa-apa kesilapan kenapa pihak polis merampas gambar-gambar yang diambil oleh cameramen atau

wartawan di Ipoh oleh kerana gambar-gambar yang diambil oleh cameramen menunjukkan cara yang tidak patut yang digunakan oleh pihak polis itu untuk menghadapi masalah ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan kenapa polis merampas filem-filem kepunyaan cameramen di Ipoh mengenai peristiwa ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada kenyataan yang pihak polis merampas filem-filem itu.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah beliau siasat kerana saya boleh berkata di sini rampasan telah dibuat. Dan kalau benar, tentu pihak pegawai polis yang ada di belakang boleh mengesahkannya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tindakan polis itu boleh saya siasat, tetapi untuk mengambil atau tidaknya filem itu adalah berhak kerana kita adalah menjaga keselamatan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah ini sikap Kerajaan yang pihak polis boleh rampas gambar-gambar oleh kerana gambar-gambar ini mengancam keselamatan? Adakah Yang Berhormat Menteri boleh keluaran satu sebab bagaimana gambar-gambar ini tentang sesuatu yang benar berlaku boleh dianggap sebagai bahaya kepada keselamatan negara kita?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab, beliau tidak tahu yang rampasan itu berlaku dan beliau akan siasat.

UNIVERSITI TEKNOLOJI MALAYSIA — PEMOHON-PEMOHON

4. **Tuan Lim Kit Siang** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapa orang penuntut yang memohon memasuki berbagai-bagai universiti di Semenanjung Malaysia bagi sesi

1973—1974, 1974—1975, 1975—1976 dan 1976—1977;

- (b) berapa orang pemohon bagi tahun 1976—1977 untuk Universiti Teknologi Malaysia, mengikut pecahan bangsa-bangsa di Malaysia; dan
- (c) berapa orang telah diterima oleh tiap-tiap universiti dalam sesi-sesi yang tersebut mengikut perpecahan bangsa-bangsa yang terdapat di Malaysia.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jaafaruddin): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat soalan (a) dan (c) telahpun dijawab oleh Menteri Pelajaran di dalam Dewan ini dalam sesi Parlimen yang telah lalu.
- (b) Bilangan pemohon-pemohon bagi tahun 1976/1977 untuk Universiti Teknologi Malaysia mengikut pecahan bangsa di Malaysia adalah seperti berikut:—

Kursus	Bangsa				Jumlah Kecil
	Bumi	China	India	Lain-lain	
Ijazah	771	328	49	1	1,089
Diploma	2,420	452	71	17	2,960
Integrasi	1,588	266	20	6	1,880
Jumlah Besar	4,719	1,046	140	24	5,929

AKTA KAWALAN SEWA 1966

5. **Tuan Ariffin bin Haji Daud** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan apakah sebab-sebab yang mendorong Kerajaan tidak memansuhkan Akta Kawalan Sewa 1966.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Jemaah Menteri telah melantik sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji Akta Kawalan Sewa 1966 dan

membuat penilaian berkenaan dengan kesan Akta itu memandangkan keadaan inflasi sekarang dan kekurangan rumah kediaman di beberapa tempat di dalam negara serta membuat cadangan samada kawalan sewa patut diteruskan dalam bentuk sekarang atau diubah atau dibatalkan sepenuhnya. Jawatankuasa di pengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan. Laporan Jawatankuasa itu akan dikemukakan kepada saya dan seterusnya kepada Kabinet menjelang hujung tahun ini.

KAWASAN ENDAU-ROMPIN

6. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah rancangan pembukaan tanah di kawasan Endau-Rompin — satu kawasan yang kaya dengan penghidupan liar — adalah bertentangan dengan dasar dan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga yang diumumkan awal dengan dasar dan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga yang diumumkan awal tahun 1976 iaitu Kerajaan akan menjaga, mengawal dan melindungi dari pencemaran alam sekitar dan mengekal Taman-taman Negara di dalam mana terdapat berbagai sumber penghidupan liar dan tumbuh-tumbuhan semulajadi.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, pembukaan tanah belum lagi dilakukan dalam kawasan Endau-Rompin. Pengeluaran lesen membalak telahpun dilakukan untuk membalak kawasan seluas lebihkurang $\frac{1}{3}$ dari jumlah kawasan dalam bahagian Negeri Pahang dan pembalakan masih berjalan terus sehingga sekarang ini. Kegiatan ini adalah bertentangan dengan dasar dan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga beberapa cadangan telah dibuat untuk mengekalkan kawasan-kawasan asli yang perlu bagi pemeliharaan hidupan liar dan tumbuh-tumbuhan semulajadi.

Endau-Rompin yang luasnya lebihkurang 500,000 ekar ialah satu-satunya kawasan yang termasuk dalam cadangan itu di mana satu daripada peruntukannya ialah supaya keutamaan hendaklah ditumpukan kepada usaha pengurusan hutan berbagai-guna untuk hidupan liar dan juga pengeluaran balak. Walau bagaimanapun, Rancangan Malaysia Ketiga tidak ada menjelaskan kawasan-kawasan yang tertentu yang boleh dibalak atau apa-apa penjelasan tentang kemasukan Taman Endau-Rompin sebagai satu kawasan yang hendak dijadikan sebagai satu kawasan Taman Negara di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Walaupun demikian pada masa Rancangan Malaysia Ketiga dirancangan telahpun wujud satu laporan mengenai dengan cadangan untuk menjadikan Endau-Rompin sebagai Taman Negara. Laporan itu mengandungi peta-peta yang menunjukkan secara prinsip satu kawasan yang akan dijadikan hutan simpan hidupan liar di mana pembalakan boleh dibenarkan di perenggan kawasan tersebut sahaja. Tetapi apa yang berlaku sekarang ini ialah pembalakan yang sedang berjalan ialah di pertengahan kawasan yang ditetapkan oleh laporan tersebut dan laporan ini adalah dibuat oleh satu Jawatankuasa yang mengandungi juga wakil-wakil daripada kedua-dua buah negeri yang terlibat.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini berapa rayuan-rayuan yang telah diterima oleh Kementerian beliau yang meminta supaya pembalakan di Taman Endau-Rompin diberhentikan dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau atas perkara ini.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menerima banyak rayuan daripada badan-badan tertentu dan juga daripada orang awam dan rayuan ini telah dirujuk kepada Kerajaan Negeri berkenaan.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Menurut kata Yang Berhormat Menteri, pembukaan

tanah di Endau-Rompin belum lagi dilakukan. Jadi bolehkah saya mendapat penjelasan di sini iaitu oleh kerana banyak rayuan telah berbangkit di seluruh negara pada hari ini berkenaan dengan perkara itu, bolehkah rancangan ini dibatalkan ataupun diberhentikan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dirujuk kepada Majlis Perhutanan Negara dan telah dibincangkan dalam Majlis itu dan telah merujuk kepada Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Negeri Pahang telah terangkan kepada Majlis itu perkara ini akan ditimbang semula.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya tadi ialah selepas cadangan dibuat dalam Rancangan Malaysia Ketiga mengenai niat hendak menjadikan Endau-Rompin sebagai National Park, berapakah lesen dikeluarkan untuk membalak?

Kedua, kenapakah tidak ada tindakan diambil selepas cadangan dibuat untuk menjadikan Endau-Rompin sebagai National Park untuk memberhentikan kegiatan-kegiatan pembalakan-pembalakan atau sekurang-kurangnya menahan pengeluaran lesen-lesen membalak yang baru, oleh kerana kalau tindakan-tindakan dan kegiatan-kegiatan ini dibiarkan cadangan untuk mengadakan satu National Park di Endau-Rompin untuk melindungi hidupan liar dan tumbuh-tumbuhan semula jadi akan gagal.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat saya fikir telah dijawab oleh rakan saya Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dan saya tidak ada apa-apa butir-butir hendak tambah kepada jawapan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Saya bingung dan saya tidak tahu apakah

jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama? Soalan saya kalau boleh saya ulang sekali lagi ialah selepas cadangan dibuat untuk menjadikan Endau-Rompin sebagai National Park, kenapakah tidak ada tindakan-tindakan diambil untuk memberhentikan kegiatan-kegiatan pembalakan atau sekurang-kurangnya mencegah atau memberhentikan pengeluaran lesen-lesen pembalakan yang baru, kalau tidak cadangan untuk mengadakan Taman Endau-Rompin sebagai National Park akan gagal. Dan apabila cadangan itu sudah dibuat jadi sudah tidak ada park lagi.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum tanah dan hutan adalah di bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan tidak ada hak memberhentikan atau menghalang apa-apa rancangan Kerajaan Negeri sedang dibuat berkenaan dengan tanah atau hutan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah ertinya menurut jawapan ini sekiranya tidak dapat kerjasama daripada Kerajaan Negeri mengenai perkara ini, pihak Kementerian yang berkenaan tidak ada apa-apa kuasa? Adakah peranan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dalam perkara ini ialah menjadi sebagai satu "postman", rayuan-rayuan yang dikemukakan kepada Kerajaan pada Kerajaan Negeri dan menunggu tindakan daripada Kerajaan Negeri. Kalau begitu, apakah kuasa dan tanggungjawab Kementerian ini?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah maklumkan tadi kepada Ahli Yang Berhormat perkara ini telah dibincangkan dalam Majlis Perhutanan Negara dan telah merujuk kepada Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Negeri Pahang telah sanggup hendak mengkaji semula rayuan-rayuan yang dapat dikemukakan kepada negeri itu.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, ternyata bahawa kegagalan ataupun tidak kemampuan Kementerian daripada Kerajaan Pusat untuk menukarkan rancangan Taman Negara Endau-Rompin ini berasas kepada corak Kerajaan kita iaitu Kerajaan Federal yang memberi kuasa. Tetapi saya ingat betul perkara ini telah berbangkit dalam persidangan Dewan yang mulia ini yang lepas di mana berasas kepada soal kewangan, soal perolehan, soal earning dan income, saya sendiri telah bertanya samada satu cara iaitu kalau pihak sesuatu Kerajaan Negeri, saya tidak berpusat kepada Kerajaan Pahang pada dasar, kalau mula bercanggah dasar Kerajaan Pusat dan dasar Kerajaan Negeri seperti keadaan macam ini. Dan di dalam hujah-hujah diterbitkan soal pendapatan hasil oleh sesebuah Kerajaan Negeri dari sesuatu rancangan yang bercanggah dengan rancangan Federal samada pada satu-satu pihak Kerajaan Pusat sanggup memberi gantirugi (compensation) ataupun geran tanah supaya Kerajaan Negeri yang terpaksa menjalankan sesuatu itu boleh memberhentikan usaha itu supaya dapat. Sebaliknya pula, bolehkah Kerajaan Pusat mengambil satu-satu tindakan beritahu kepada Kerajaan Negeri, kalau tidak berhentikan, jalankan sesuatu kerana tiap-tiap Kerajaan Negeri bergantung kepada Kerajaan Pusat, dan Kerajaan Pusat akan menahan sekian-sekian banyak peruntukan sehingga Kerajaan Negeri itu patuh kepada dasar nasional atau pusat. Dan kalau saya tidak salah Yang Berhormat Menteri pada masa itu berkata: Saya akan siasat, akan berunding dalam Kabinet, tetapi setakat manakah soal macam ini sudah dapat dirundingkan dan apakah hasilnya dan adakah kemungkinan perkara ini ditimbangkan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, adalah sebahagian peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri terkandung dalam Perlembagaan, dan dengan demikian Kerajaan Persekutuan tidak bolehlah gunakan kuasanya untuk potongkan peruntukan kepada tiap-tiap

negeri kerana tidak patuh atau tidak menurut apa yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, dalam segi perancangan begitu boleh juga jikalau Kerajaan Persekutuan fikir patut dan perlu untuk kepentingan negara boleh juga buat demikian seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat tetapi dalam perkara ini Kerajaan Persekutuan fikir sebelum masa sampai kita gunakan kuasa itu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini yang akhir!

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Pahang berkata akan mengkaji dasar ini. Adakah Kementerian berkenaan atau Kerajaan Pusat meminta dan mendapat satu jaminan daripada Kerajaan Negeri Pahang bahawa sebelum keputusan kajian yang baru diumumkan Kerajaan Negeri Pahang tidak akan mengeluarkan lesen-lesen membalak baru untuk tidak merugikan perkara ini.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, seperti kata saya tadi dalam jawapan saya kepada satu soalan tambahan, Kerajaan Negeri Pahang telah beritahu kepada Majlis Perhutanan Negara perkara ini akan dikaji semula dan saya percaya dalam masa sekarang perkara ini telah digantung sementara, lesen baru belum lagi dikeluarkan. Mana yang telah dikeluarkan tidak dapatlah Kerajaan tarik balik kerana ada daripada perjanjian dari segi undang-undang sekatan kuasa Kerajaan Negeri itu.

ASEAN — HUBUNGAN EKONOMI DENGAN INDOCHINA

7. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Luar Negeri menyatakan, samada negara-negara ASEAN termasuklah Malaysia telah mengadakan hubungan ekonomi dan persahabatan dengan negeri Vietnam, Laos, dan Kemboja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, di Persidangan Kemuncak ASEAN yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini, Ketua-ketua Kerajaan ASEAN telah menghulurkan tali persahabatan kepada negara-negara Indochina. Ini termasuklah juga perhubungan ekonomi.

HUBUNGAN EKONOMI/ PERDAGANGAN DENGAN JEPUN

8. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan yang telah dicapai setakat ini dalam (a) usaha memperluaskan lagi hubungan ekonomi serta dagangan dengan Jepun dan (b) perkara pinjaman yang dirundingkan dengan Perdana Menteri negara itu dalam lawatan beliau ke sana baru-baru ini.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), saya telah memberitahu Kerajaan dan sektor swasta Jepun, sewaktu lawatan Perdana Menteri Jepun ke Kuala Lumpur dalam bulan Ogos lalu, dan juga sewaktu lawatan balas saya ke Tokyo dalam bulan September, bahawa penanaman modal Jepun adalah disambut baik di Malaysia dan segala langkah akan diambil untuk mengujudkan iklim pelaburan yang menggalakkan bagi pelabur-pelabur tersebut. Dalam hal ini, sebuah Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun yang dianggotai oleh wakil-wakil sektor swasta kedua-dua negara, akan ditubuhkan. Badan ini akan membincangkan cara-cara untuk memperluaskan lagi hubungan perdagangan dan ekonomi di antara Malaysia dan Jepun. Persatuan ini akan dilancarkan di Kuala Lumpur pada awal bulan November 1977. Melalui langkah-langkah seperti ini, saya yakin hasil-hasil yang menggalakkan akan diperolehi.

Mengenai soalan (b), dalam lawatan saya ke Jepun itu saya telah merundingkan perkara Kredit Yen untuk membiayai projek-projek

infrastruktur di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Kerajaan Jepun telah bersetuju untuk memberi pinjaman sebanyak \$200 juta (dua ratus juta ringgit) atau dua puluh satu ribu juta Yen lagi, selain daripada \$200 juta (dua ratus juta ringgit) atau dua puluh satu ribu juta Yen yang telah dijanjikan oleh Perdana Menteri Jepun dalam bulan Ogos di Kuala Lumpur.

PENDAPATAN PER KAPITA PETANI/ NELAYAN/PEKERJA BIASA

9. Dr. Chen Man Hin minta Perdana Menteri membandingkan pendapatan tahunan seorang petani, nelayan dan pekerja biasa dengan pendapatan per Kapita Kasar Kebangsaan, peratus orang-orang bekerja yang mendapat kurang dari pendapatan per Kapita Kasar Kebangsaan dan bilangan orang-orang yang hidup di bawah garis kemiskinan.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, adalah mustahil bagi saya menjawab dengan tepat akan pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini. Sebenarnya ialah data pendapatan yang kita ada tidak dapat memberikan perbandingan yang jelas di antara per Kapita Pendapatan Negara Kasar dengan pendapatan tahunan yang diterima oleh seorang nelayan, petani dan pekerja biasa. Sebenarnya, ada terdapat perbezaan-perbezaan konsep bagi kedua-dua definisi pendapatan ini.

Daripada data yang telah dikumpulkan menerusi Penyiasatan Selepas Banci 1970, adalah didapati bahawa pendapatan purata, petani, nelayan dan pekerja biasa adalah kurang dari pendapatan purata bagi semua pekerja di negara ini. Pendapatan purata pekerja-pekerja negara ini adalah sebanyak \$1,956 setahun berbanding dengan petani, buruh tani dan nelayan yang mempunyai pendapatan purata dari 50% hingga 60% daripadanya. Bagi pekerja-pekerja pengeluaran, kerani dan pekerja-pekerja berkaitan, pendapatan tahunan mereka adalah samada

hampir atau atas daripada jumlah pendapatan purata tersebut.

Keterangan yang saya beri ini adalah sama sahaja dengan keterangan yang telah digunakan bagi mengira kadar kemiskinan dan bilangan keluarga dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Seperti Yang Berhormat dapat lihat daripada buku Rancangan Malaysia Ketiga, keluarga pertanian mempunyai kadar kemiskinan yang lebih tinggi daripada keluarga di sektor-sektor bukan pertanian. Selaras dengan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan menghapuskan kemiskinan, Kerajaan telah menambah program-program dan projek-projek penting bagi mengurangkan kemiskinan di negara ini.

KEMATIAN LIN ENG WAH

10. Dr. Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada siasatan ke atas kematian seorang peniaga bernama Lin Eng Wah yang dijumpai mati akibat ditembak di kediaman Menteri Besar Negeri Sembilan pada 8hb. Mac, tahun ini telah selesai, jika ya, nyatakan hasil siasatan tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kes mengenai kematian Encik Lin Eng Wah telah diedarkan kepada Yang Arif Penasihat Undang-undang Negeri Sembilan dan beliau telahpun mengarahkan supaya satu 'inquest' akan diadakan pada hari esok, 25hb. Oktober, 1977 hingga 29hb. Oktober, 1977 di Mahkamah Rendah Seremban.

ASEAN — SIDANG KEMUNCAK DI KUALA LUMPUR

11. Tuan A.K. Aliuddin minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil rundingannya yang telah diadakan dengan Presiden Marcos di Sidang Kemuncak Negara-negara ASEAN yang telah diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini dan samada masalah tuntutan Filipina

ke atas Sabah, orang-orang pelarian negara itu dan keganasan lanun-lanun di perairan antara Negeri Sabah dan Filipina telah dibincangkan juga.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, di masa Sidang Kemuncak Negara-negara ASEAN di Kuala Lumpur, Presiden Marcos dan saya telah mengambil peluang berunding berkenaan dengan perkara-perkara dan masalah-masalah yang mengenai kedua-dua negara. Dalam perundingan itu, Presiden Suharto telah dijemput hadir bersama-sama. Masalah-masalah tuntutan Filipina ke atas Sabah, orang-orang pelarian negara Filipina dan lanun-lanun di perairan di antara negeri Sabah dan Filipina telah dibincangkan.

Hasil daripada perbincangan itu adalah sebagaimana yang disebutkan dalam Kenyataan Bersama bertarikh 6hb. Ogos, 1977.

Kenyataan Bersama itu menyebutkan bahawa sesuai dengan prinsip-prinsip dan tujuan-tujuan ASEAN, Ketua-ketua Kerajaan Negara itu bersetuju untuk mengambil langkah-langkah positif bagi mencegah perompakan di laut, penyeludupan dan penyaluran dadah di sepanjang sempadan masing-masing. Sesuai dengan hasrat di atas, mereka menyatakan keyakinan bahawa langkah-langkah ini akan membawa kepada perjanjian perondaan sempadan dan penyeberangan sempadan di antara Malaysia dan Republik Filipina. Mereka mengesahkan keazaman mereka untuk berusaha mencapai tujuan-tujuan tersebut dengan seberapa segera yang boleh. Ketua-ketua Kerajaan Indonesia, Malaysia dan Filipina berharap bahawa kesanggupan ini akan membuka jalan untuk kerjasama yang lebih erat sesuai dengan keharmonian ASEAN.

BARANG RAMPASAN DARIPADA PENYELUDUPAN

12. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar, bahawa banyak

barang-barang yang dirampas daripada pihak penyeludupan, dibiarkan begitu sahaja seperti beras, motokar dan lain-lain sehingga menjadi rosak, ini adalah merugikan Kerajaan. Sepatutnya barang-barang yang berkenaan selepas dihadapkan ke Mahkamah hendaklah dijual dilelong dengan serta merta. Tidakkah Kementerian yang berkenaan akan mengatasi dalam hal ini.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, adalah kebiasaan yang diamalkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, bahawa barang-barang rampasan yang mudah busuk (perishable) dijual dengan cara serta merta. Segala beras yang dirampas adalah dijual kepada LPN. Bagi barang-barang lain termasuk kereta-kereta yang menjadi barang bukti dalam kes-kes kastam yang dibicarakan dalam mahkamah, barang-barang itu terpaksa di sisi undang-undang disimpan sehingga kes-kes itu selesai dengan keputusan yang muktamad. Barang-barang yang tidak dituntut akan dijual selepas tempoh satu bulan kalau tiada tindakan mahkamah.

Pada masa ini Jabatan Kastam sedar sungguh mengenai kemerosotan kereta-kereta dalam tahanan, dan telahpun merujuk perkara ini kepada Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan samada kereta-kereta itu boleh dijual dengan serta merta kepada orang awam di bawah Seksyen 115(i)(c) Akta Kastam 62/67. Perkara ini masih lagi dipertimbangkan.

Lagi satu langkah yang diambil ialah Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja mengadakan lelong setiap kali ada cukup bilangan barang dalam tahanan di seluruh stesyen-stesyen kastam.

PELARIAN FILIPINA

13. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Luar Negeri menyatakan oleh kerana di Persidangan Kemuncak di antara Kepala-kepala Kerajaan ASEAN, baru-baru ini, Presiden Kerajaan Filipina menyatakan bahawa se-

bagai pertanda ke arah perpaduan ASEAN, Kerajaan Filipina telahpun memutuskan untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah, apakah akan terjadi tentang taraf beribu-ribu Filipina yang pada masa ini tinggal di Sabah dan adakah orang-orang Filipina tersebut akan diberi hak-hak untuk tinggal selama-lamanya atau diberi hak kerakyatan di Malaysia atau adakah mereka akan dihantar balik ke Filipina.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal ini sebetulnya tidak ada kena-mengena antara satu sama lain. Soal yang pertama tadi keguguran atau maksud Tuan Yang Terutama Presiden Marcos hendak menjatuhkan (to drop the claim), ini tidak ada kena-mengena dengan soalan pelarian. Soal pelarian ini adalah hasil daripada keadaan di Selatan Filipina. Mereka ini adalah orang yang lari dari sana kerana menyelamatkan nyawanya. Jadi, adakah mereka ini akan tetap tinggal di sana, tergantung kepada keadaan kemudian hari, tetapi mengikut cara undang-undang kalau mereka yang memohon status political refugee maka perkara ini sentiasa diberi pertimbangan oleh Kerajaan.

KENDERAAN AWAM — KEKURANGAN

14. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa pada cuti Hari Raya Puasa yang lepas didapati sangat kurang bas-bas dan teksi-teksi untuk membawa penumpang-penumpang balik ke tempat masing-masing jika ya, apakah rancangan beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya adalah sedar tentang banyaknya orang-orang yang hendak balik ke tempat masing-masing pada masa Hari Raya ataupun hari-hari perayaan yang lain. Walau bagaimanapun tidaklah begitu tepat jika dikatakan

bahawa pada cuti Hari Raya Puasa yang lepas didapati bas-bas dan teksi-teksi sangat berkurangan. Bahkan pada hari-hari seumpama itulah didapati banyak bas-bas dan teksi-teksi menjalankan perkhidmatan. Tetapi oleh sebab permintaan kepada perkhidmatan bas dan teksi terlalu besar maka jumlah bas-bas dan teksi-teksi yang ada tidak begitu mencukupi.

Pada kebiasaannya, pada hari-hari tersebut, syarikat-syarikat bas yang berkenaan akan menjalankan bas-bas perkhidmatan pendua (duplicate services) dengan menggunakan bas-bas tambahan yang sedia ada dibekalkan. Perkhidmatan tambahan ini adalah untuk menemui bilangan pertambahan penumpang-penumpang yang luar biasa yang lazimnya berlaku pada tiap-tiap hari perayaan.

Kementerian saya juga sedang mengaturkan perjumpaan di antara wakil-wakil pengusaha pengangkutan bas dan teksi dan Kementerian saya untuk membincangkan cara-cara mengatasi masalah ini.

PEGAWAI PENTADBIR/PROFESSIONAL MUDA

15. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan bahawa memandangkan dari segi pengalaman mengenai implementasi projek pembangunan Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua di mana terdapat kelewatan untuk perlaksanaannya disebabkan beberapa faktor, satu daripadanya ialah kerana pegawai-pegawai tadbir dan professional terlalu muda yang tidak begitu cukup pengalaman untuk mengambil sesuatu keputusan bagi melaksanakan sesuatu projek dan oleh kerana itu ianya tergalang begitu lama walaupun peruntukan telah diluluskan, samada Jabatan Perkhidmatan Awam dapat memikirkan bahawa pegawai-pegawai muda tersebut ditugas untuk mendapatkan pengalaman secukupnya di Kementerian/Ibu Pejabat dan menghantar pegawai-pegawai kanan

ke negeri-negeri yang telah mencapai peringkat ke tingkatan kanan supaya mereka dapat menyelaraskan kerja-kerja yang dipertanggungjawabkan ke atasnya dan dapat menyusun rancangan dengan teratur terutama hubungan antara Negeri dengan Federal agar dapat berjalan dengan lancar, sekiranya projek pembangunan hendak dilancarkan dengan teratur mengikut jadual matlamat yang ditetapkan, adakah Kerajaan akan membuat penilaian semula apabila menghantar pegawai-pegawai mudanya ke Negeri-negeri untuk menentukan bahawa semua projek pembangunan Kerajaan berjalan dengan lancar seperti yang diharapkan oleh rakyat. Jika tidak, mengapa.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, penempatan pegawai-pegawai pentadbir dan professional adalah dilakukan di peringkat Persekutuan dan juga Negeri. Bagi peringkat Negeri, pentadbiran Negeri yang berkenaan adalah bertanggungjawab menempatkan pegawai-pegawainya. Di peringkat Persekutuan pula, penempatan pegawai-pegawai pentadbir dan professional adalah dijalankan oleh semua Kementerian/Jabatan yang berkenaan termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam yang hanya bertanggungjawab dalam menempatkan pegawai-pegawai pentadbir seperti Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dan Perkhidmatan Tadbir Am. Perhatian berat adalah ditumpukan kepada faktor-faktor seperti pengalaman kerja, ketuhan, kesesuaian, kecekapan serta kebolehan menjalankan kerja-kerja apabila hendak menempatkan pegawai-pegawai pentadbir dan professional di negeri-negeri untuk melaksanakan projek-projek rancangan pembangunan Malaysia. Kebanyakan pegawai-pegawai ini telahpun mempunyai pengalaman kerja yang cukup untuk membolehkan mereka menjalankan tugas-tugas jawatan yang bersesuaian dengan taraf mereka di peringkat Kementerian/Jabatan sebelum dihantar ke negeri-negeri. Sungguhpun ada terdapat pegawai-pegawai muda yang kurang pengalaman di peringkat Negeri, mereka adalah berkhidmat di bawah Ketua-ketua Jabatan Negeri

yang lebih kanan dan berpengalaman. Panduan kerja sentiasa diberikan kepada mereka ini semasa menjalankan tugas-tugas.

Berdasarkan kepada amalan ini, maka jelaslah diperhatikan bahawa penilaian prestasi dan pengalaman kerja pegawai-pegawai pentadbir dan professional adalah sentiasa dititikberatkan sebelum mereka ditempatkan ke negeri-negeri untuk menjamin semua rancangan pembangunan Kerajaan berjalan dengan lancar seperti yang diharapkan oleh rakyat.

ANGGOTA ANGKATAN TENTERA YANG BERSARA

16. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan kakitangan tentera yang telah bersara di antara tahun 1964 hingga sekarang, mengikut pecahan kaum, bentuk rancangan pemulihan semula yang dicadangkan dan bentuk keutamaan pekerjaan yang diberikan kepada mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, bilangan anggota angkatan tentera yang telah bersara, semenjak tahun 1964, mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:—

Melayu	China	India	Lain-lain
4,639	135	49	13

Latihan peralihan yang diberikan kepada anggota-anggota tentera yang akan bersara adalah di dalam bidang-bidang seperti berikut:—

- (a) Teknikal dan Vokesyenal
- (b) Pertanian dan Ternakan
- (c) Perniagaan
- (d) Penyesuaian Sambil Bekerja
- (e) Pengurusan

Jenis latihan dan pekerjaan yang mereka dapati selepas latihan ini adalah mengikut pilihan mereka sendiri berdasarkan kelulusan,

kecenderungan dan minat serta juga kemahiran mereka.

Ahli Yang Berhormat juga mungkin ingin mengetahui bahawa Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan juga kerajaan-kerajaan Negeri ada menyediakan dan menguntukkan quota-quota yang tertentu bagi bekas-bekas tentera, terutama dari golongan mereka yang berpangkat rendah untuk mendapatkan pekerjaan, lesen-lesen berniaga, permit-permit kenderaan, tanah dan lain-lain lagi.

Di bidang swasta pula bekas-bekas perajurit adalah juga diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh firma-firma untuk perkhidmatan mereka, jika mereka mempunyai kelulusan atau kemahiran yang diperlukan.

Kerajaan tidaklah pula menentukan bentuk keutamaan pekerjaan bagi bekas-bekas perajurit kerana ini adalah bergantung kepada faktor-faktor yang saya sebutkan tadi. Walau bagaimanapun Kerajaan ada menetapkan quota di dalam 31 jenis pekerjaan di jabatan-jabatan kerajaan untuk bekas-bekas anggota tentera.

Di antara pekerjaan-pekerjaan itu ialah:—

- (1) Merinyu Kapal
- (2) Pengawas Kesihatan Umum
- (3) Penguatkuasa Majlis Bandaran
- (4) Ahli Bomba
- (5) Penyelenggara Setor Rendah, dan lain-lain.

Tambahan lagi, Kerajaan mengikut Pekeliling Perkhidmatan No. 19 Tahun 1975 ada mengarahkan supaya keutamaan patut diberikan kepada bekas-bekas perajurit untuk mengisi jawatan-jawatan lain jika mereka mempunyai dan dapat memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh sesuatu sekim perkhidmatan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 dan 18 adalah diberi di bawah ini).

RUMAH PEKERJA-PEKERJA LADANG

17. **Tuan S. Samy Velly** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) samada beliau sedar tentang buruknya keadaan-keadaan hidup kaum buruh berhubung dengan kawasan perumahan, kemudahan-kemudahan sanitasi, bekalan air, alam sekitar dan keadaan kesihatan bagi Estate Caledonian di Sungai Buluh dan estate Bukit Jalil dan Kinrara di Puchong, Selangor dan sebarang "improvement" dibuat yang diselarasakan dengan Undang-undang Buruh sejak 30 tahun yang lepas; dan
- (b) (i) mengapakah pegawai-pegawai buruh tidak memberikan sebarang perhatian atau tindakan sewajarnya terhadap perkara-perkara yang tersebut;
- (ii) samada beliau akan menimbang mengambil langkah-langkah segera untuk menyiasat keadaan ketiga-tiga estet itu, supaya keadaannya dapat dibaiki.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Saya sedar bahawa keadaan rumah-rumah pekerja dan kemudahan-kemudahan di ketiga-tiga ladang yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tidak begitu memuaskan. Tetapi tidaklah benar mengatakan bahawa pegawai-pegawai buruh tidak memberikan sebarang perhatian atau mengambil tindakan tentang perkara-perkara tersebut. Tidak juga benar mengatakan bahawa tiada sebarang kemajuan dalam keadaan ini sejak 30 tahun yang lepas, seperti dikatakan oleh Yang Berhormat itu.

Hampir kesemua rumah-rumah tersebut telah didirikan kurang daripada 30 tahun yang

lepas, dan telah mematuhi kehendak-kehendak undang-undang pada masa pembinaannya. Tetapi saya bersetuju bahawa taraf dan jenis rumah-rumah itu tidak sesuai dengan apa yang didirikan oleh majikan di ladang-ladang selepas Akta Perumahan Pekerja (Pia-waian Minima) 1966 dikuatkuasakan.

Sanitasi, bekalan air dan rawatan perubatan juga adalah cukup dan sederhana baik, walaupun tidak sampai ke taraf di ladang-ladang yang lain. Di ketiga-tiga ladang yang disebutkan itu, ada dispensari di bawah jagaan Pembantu-pembantu Hospital dan Doktor-doktor yang melawat ke sana sekurang-kurangnya sebulan sekali. Kes-kes yang serius yang berkehendakkan rawatan hospital adalah dihantar ke Group Hospital di Ladang Elmina atau ke Hospital Besar atau Hospital Universiti.

Bekalan air di ketiga-tiga ladang adalah daripada sumber-sumber ladang sendiri dan di Ladang Kinrara air itu adalah dibersihkan dan diubatkan. Di Ladang Bukit Jalil bekalan air adalah dibersihkan (filtered), manakala di Ladang Caledonian digunakan sistem sedimentation sahaja.

Pegawai-pegawai Kementerian telah menjalankan pemeriksaan yang kerap ke atas ladang-ladang tersebut dan telah membuat perakuan yang sesuai mengenai segala perkara ini.

Di ladang Caledonian, majikan bercadang meminda semua rumah-rumah pekerja ke Bahagian Tuan Mee dan sedang membina rumah-rumah baru di Bahagian Tuan Mee itu. Rumah-rumah di Caledonian tidak dicadangkan dibaharui sementara itu.

Di Ladang-ladang Bukit Jalil dan Kinrara Kementerian telah dua tahun mencadangkan kepada majikan untuk membaharui rumah-rumah yang lama dan menggunakan bekalan air daripada Jabatan Kerjaraya (public mains). Mereka telah juga dinasihatkan mengadakan rumah-rumah untuk dimiliki oleh pekerja-pekerja sendiri, di bawah perakuan

Task Force mengenai perkara ini. Majikan-majikan tersebut sedang memberi pertimbangan terhadap cadangan Kementerian saya itu.

Kementerian saya sedang mengambil tindakan selanjutnya untuk melaksanakan perakuan-perakuan yang telah dikemukakan kepada majikan-majikan tersebut.

TV MALAYSIA — BERITA LUAR NEGERI

18. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Penerangan:

- (a) mengapakah rancangan berita luar negeri di Radio dan TV Malaysia sangat lambat diterima dan disiarkan di Sabah, sebaliknya negara jiran Malaysia, dapat menerima pada hari yang sama menyiarkan berita-berita luar negeri dengan seberapa cepat yang boleh;
- (b) mengapakah rancangan 'Peristiwa' di TV Malaysia sangat kurang menyiarkan peristiwa-peristiwa bagi negeri Sabah dan Sarawak dan adakah rancangan bahawa buat masa hadapan berita-berita peristiwa dari Sabah dan Sarawak akan dimasukkan sama banyaknya dengan rancangan-rancangan peristiwa di Semenanjung dan mengapakah ada perbezaan ini berlaku; dan
- (c) adakah rancangan bagi masa hadapan ini bahawa berita-berita seperti (a) dan (b) di atas ini diterima di Kota Kinabalu dengan menggunakan satu alat yang dinamakan ENG (Electronic News Gathering) supaya kelambatan ini dapat dibereskan.

Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):

- (a) Berita luar negeri disiarkan serentak di Sabah, Sarawak dan Semenanjung

Malaysia menerusi Rangkaian Nasional di TV dan Radio. Oleh yang demikian tidaklah benar bahawa berita luar negeri diterima lewat di Sabah.

- (b) Dari semasa ke semasa memang ada disiarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Sabah dan Sarawak dalam rancangan peristiwa. Ini adalah bergantung dari sumbangan yang dapat diberikan dari Sabah dan Sarawak. Mengenai menyiarkan sama banyaknya dengan rancangan peristiwa di Semenanjung, ini tidak dapat ditetapkan kerana rancangan tersebut bergantung kepada bahan-bahan yang didapati.
- (c) Bagi berita-berita seperti di (a), kegunaan ENG (Electronic News Gathering) tidaklah terlibat oleh kerana berita-berita luar negeri pada masa ini adalah diterima dalam bentuk filem dari luar negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ENG adalah salah satu cara bagi mendapatkan bahan-bahan berita. Cara lain yang biasa digunakan adalah melalui kamera-kamera filem. Oleh yang demikian, kegunaan alat ENG tidak ada kaitan dengan soalan bahagian (c).

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1978 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN TANAH (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Kemajuan Tanah 1956; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN

MEMINDA ORDINAN KESATUAN SEKERJA, 1959 DAN AKTA PERHUBUNGAN PERUSAHAAN, 1967

3.33 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing (Kinta): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menambah dua tiga patah perkataan di barisan keempat di bawah Usul berkenaan iaitu "untuk meminda Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Perhubungan Perusahaan, 1967".

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pindaan ini adakah pindaan sebagai usul?

Tuan Ngan Siong Hing: Ya, saya ingat ada silap printing, Tuan Yang di-Pertua. Itu tidak serupa dengan naskah Bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Duduk dulu! Naskah Inggerisnya berbunyi:—

"the Trade Unions and Industrial Relations (Miscellaneous Provisions) (Amendment) Act, 1977 to amend the Trade Unions Ordinance, 1959 and the Industrial Relations Act, 1967".

Saya izinkan.

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan utama supaya dibuat peruntukan untuk menyatukan kesatuan-kesatuan sekerja yang mempunyai jenis perniagaan atau perdagangan yang serupa, serta meminda semua tegahan yang menghalang kemajuan serta perkembangan kesatuan sekerja di negara ini.

Pada hari ini terdapat sebanyak 373 kesatuan sekerja di dalam negara ini dikira pada tarikh Jun, 1977 dengan keahlian sebanyak 525,000 orang. Ini mengandungi kurang daripada 20% dari jumlah pekerja di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan sekarang, Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 dan Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 adalah sangat-sangat tidak memuaskan. Saya rasa dasar di dalam perundangan ini adalah berbentuk anti-pekerja dan menyetujui penindasan. Dan Rang Undang-undang ini adalah dicadangkan membuat pembaharuan dan bertujuan untuk menghapuskan kuasa-kuasa budi bicara yang diberikan kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan angkatannya.

Kesatuan sekerja di negara ini adalah mangsa akibat dasar "Pecah dan Perintah" atau "Divide and Rule". Ini adalah terang ditunjukkan di dalam pekerjaan-pekerjaan perusahaan besi di negara ini.

Pada hari ini terdapat 6 (enam) buah persatuan pekerja perusahaan besi yang bergabung dengan IMF (International Metal Workers Federation) yang berpangkalan di Geneva.

Tuan Speaker, Kesatuan-kesatuan itu ialah yang pertama Metal Industry Employees Union dengan 6,000 orang ahli, National Union of Industrial Mining and Smelting Workers 800 orang ahli, Electrical Industry Workers Union 4,000 orang ahli, Machinery Manufacturing Employees Union 500 orang ahli Transport Equipment and Allied Industries Employees Union 500 ahli dan Union of Malayawata Steel Workers 1,000 orang ahli.

Tuan Speaker, Kesatuan Sekerja yang ketujuh iaitu United Motor Works Employees Union yang mempunyai 500 orang ahli baharu sahaja memohon untuk bergabung dengan IMF di Geneva. Kesatuan itu ditubuhkan kerana pekerja-pekerja di United Motor Works Employees Union tidak dibenarkan memasuki sebarang Kesatuan-kesatuan Sekerja Besi yang ada dan seterusnya dipaksa oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja supaya menubuhkan sebuah kesatuan sekerja yang berasingan. Ini menunjukkan dasar pecah dan perintah yang bodoh yang Rang Undang-undang ini bertujuan mengubahnya. Keahlian ketujuh-tujuh Kesatuan Sekerja ini jika disatukan hanyalah 13,000 orang sahaja. Adalah jelas tidak menguntungkan kaum pekerja untuk mempunyai 7 buah Kesatuan Sekerja kerana kesatuan-kesatuan sekerja ini serupa. Pekerja-pekerja sepatutnya mempunyai suara yang akhir untuk memasuki Kesatuan Sekerja yang mereka pilih. Sebaliknya, tidak sepatutnya diadakan tegahan undang-undang sekiranya Kesatuan-kesatuan Sekerja ingin bersatu atau bergabung untuk menjadi sebuah kesatuan sahaja bagi melindungi kepentingan-kepentingan pekerja.

Dari segi lain, Tuan Speaker, Rang Undang-undang ini memohon supaya mengiktiraf tindakan go-slow sebagai bentuk tindakan perusahaan yang sah. Ini membolehkan pekerja-pekerja itu menguatkuasakan kekuatan tawar-menawar mereka untuk menghasilkan collective agreement serta mencabar despotism dan bureaucratism. Di dalam konteks perhubungan perusahaan yang moden kaum pekerja dan majikan mempunyai satu peranan yang sama iaitu menghasilkan kekayaan masyarakat senang bersama. Adalah sangat-sangat dikesali di mana kekuasaan modal diguna secara kejam untuk mengurangkan pekerja atau menamatkan perkhidmatan pekerja-pekerja tanpa gantirugi iaitu without compensation yang adil sungguhpun terdapat majikan-majikan yang Rang Undang-undang ini memberikan peruntukan secara perundangan supaya dibayar gantirugi yang menasabah dan penuh kesedaran kepada pekerja-

pekerja yang dibuang secara tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, antara lain perkara, Rang Undang-undang ini selanjutnya memohon supaya dibuat peruntukan supaya Kesatuan-kesatuan Sekerja dan ahli-ahli Kesatuan Sekerja diberi hak mengambil tindakan secara cara politik atau political action sebagai satu senjata, kiranya tidak ada cara lain. Hak ini telah disingkirkan dengan adanya berbagai-bagai pindaan kepada Undang-undang Buruh yang terdapat sekarang ini dan hak ini mestilah dikembalikan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perlu dan wajar pada masa ini memandangkan terdapatnya pencerubuhan pelaburan luar yang kuat serta tertubuhnya seperti cendawan syarikat-syarikat anika bangsa yang menikmati kedudukan yang istimewa di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, umpamanya, Kesatuan-kesatuan Sekerja yang menikmati pioneer status ditegah dari memasuki sebagai satu pihak di dalam perjanjian bersama pekerja majikan atau collective agreement yang memberikan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik selain daripada syarat-syarat seperti yang diperuntukkan di bawah Bahagian 12 Ordinan Pekerja. Inilah jangkakan penindasan yang menjadi lumrah di regim-regim yang menindas di seluruh dunia. Tidak kurang juga Rang Undang-undang ini akan mentafsirkan semula makna mogok dan lock-up seperti yang amnya dikehendaki oleh angkatan pekerja-pekerja di negara ini serta memberi makna dan tujuan satu undang-undang pekerja yang benar di dalam negara ini tanpa belas dan takut. Ini sudah semestinya menjadi matlamat melindungi permusnahan selanjutnya hak-hak pekerja serta memberi kesedaran kepada demokrasi kaum pekerja yang bersih dan amnya kemuliaan buruh.

3.48 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh rakan saya dari Kinta untuk mengemukakan satu Rang Undang-undang persendirian

yang dinamakan Akta Kesatuan Sekerja dan Perhubungan Perusahaan (Perbagai Peruntukan) (Pindaan), 1977.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa sebab untuk menerangkan mengapa pergerakan buruh di Malaysia tidak menjadi satu tenaga kebangsaan yang ianya sepatutnya menjadi untuk berjuang mendatangkan perubahan-perubahan ekonomi, politik dan sosial supaya dapat membetulkan pembahagian kekayaan dan pendapatan yang tidak adil di negara kita ini.

Dua daripada sebab-sebab ini ialah pertama, kebanyakan tenaga pekerja kita iaitu lebih kurang 85% tidak menjadi ahli-ahli Kesatuan Sekerja. Kedua sebilangan besar Kesatuan-kesatuan Sekerja yang ujud sekarang adalah Kesatuan-kesatuan Sekerja yang kecil atau dalam Bahasa Inggeris "peanut" unions dan ini telah membuatkan kesatuan-kesatuan sekerja tersebut lemah dan kurang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan yang telah menunjukkan sikap anti-Kesatuan-kesatuan Sekerja sejak kemerdekaan pada tahun 1957 hendaklah dan patutlah memikul tanggungjawab yang besar kerana ujudnya keadaan yang kesal ini dan juga dipertanggungjawab untuk keadaan kesatuan-kesatuan sekerja kecil (peanut unions) yang terdapat di negara kita pada hari ini. Kerajaan dan khasnya Yang Berhormat Menteri Buruh yang berkenaan telah terus melanggar hak asasi pekerja-pekerja untuk menyertai kesatuan sekerja pilihan mereka. Inilah sebabnya Kerajaan telah ditubuh di peringkat Antarabangsa sebagai telah melanggar hak-hak dan kebebasan pekerja-pekerja.

Pada 3hb. Jun tahun ini Gabungan Pekerja-pekerja Logam Antarabangsa telah membuat satu aduan rasmi kepada Organisasi Buruh Antarabangsa (International Labour Organisation) terhadap Kerajaan Malaysia kerana Kerajaan Malaysia telah melanggar semangat dan kata-kata Perkara 2 dan 3 Konvensyen Organisasi Buruh Antarabangsa yang bernombor 87 mengenai kebebasan bercampur

dan hak pekerja-pekerja untuk menubuh dan menyertai kesatuan-kesatuan sekerja pilihan mereka. Gabungan Pekerja-pekerja Logam Antarabangsa yang berpusat di Geneva mempunyai 13 juta ahli di 65 negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah mengabaikan nama baik dan kemuliaan negara kita ini apabila aduan itu telah dibuat terhadap negara Malaysia. Gabungan Pekerja Logam Antarabangsa telah membawa kesnya terhadap Kerajaan Malaysia kerana melanggar hak pekerja-pekerja adalah satu kes yang pada anggapan kita adalah sangat kokoh.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menerusi Pendaftar Kesatuan-kesatuan Sekerja telah memaksa pekerja-pekerja di Perusahaan Logam di Malaysia menubuhkan 6 buah kesatuan-kesatuan berlainan seperti yang telah dikatakan oleh rakan saya dari Kinta. Satu misal yang lain, Tuan Yang di-Pertua, Kesatuan Pekerja-pekerja Perusahaan Letrik telah dihadkan meorganisasikan pekerja-pekerja dalam syarikat-syarikat yang membuat alat-alat letrik. Percubaan Kesatuan Pekerja-pekerja Perusahaan Letrik untuk mengorganisasikan 30,000 orang pekerja di syarikat-syarikat yang membuat komponen-komponan atau alat-alat letrik yang tidak mempunyai kesatuan-kesatuan sendiri telah dihalang di setiap peringkat oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Malaysia merupakan negara tunggal di mana kejuruteraan electrical and electronic dianggap sebagai dua lapangan berlainan dari segi organisasi dan jurisdikisi kesatuan-kesatuan sekerja. Dan saya juga difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat sedang dalam proses memecahkan lagi kesatuan sekerja perusahaan logam di dalam kesatuan-kesatuan kecil kerana setiap tahun Pendaftar Kesatuan Sekerja telah memerintahkan supaya Kesatuan Pekerja-pekerja Logam mengusir beberapa

orang ahlinya dan setiap tahun majikan-majikan menggunakan perintah Pendaftar yang tidak patut itu terhadap kesatuan itu untuk menindas dan juga memecat pengelola-pengelola kesatuan yang aktif ini. Atas hal-hal yang telah saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak adalah sangat sesuai supaya usul ini dibentangkan ke dalam Dewan ini dan pada anggapan saya ini adalah sangat perlu supaya kita dapat menentukan Kerajaan tidak akan lagi mengambil apa-apa tindakan memecahkan kesatuan-kesatuan sekerja di negara kita ini. Oleh hal yang demikian, saya sekali lagi ingin menyokong usul yang telah dibentangkan oleh rakan saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul ini ialah merupakan satu usul minta izin supaya Yang Berhormat Tuan Ngan Siong Hing mengemukakan kiranya dipersetujui oleh Dewan ini satu Rang Undang-undang sebagaimana yang dikatakannya tadi, dan usul ini sudah mendapat sokongan. Sekarang saya kemukakan untuk dibahaskan kalau ada yang hendak bercakap.

3.55 *ptg.*

Tuan Mohamed Sovie bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, usul ini telah dikemukakan berasaskan kepada satu tuduhan yang telah disuarakan oleh pihak pencadang misalnya dalam kata-kata penutup hujah-hujah Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengatakan Rang Undang-undang ini dicadangkan oleh mereka perlu untuk menahan Kerajaan memecahkan kesatuan sekerja. Ini sebagaimana kita semua tahu ialah satu tuduhan yang tidak berasas sama sekali. Begitu juga tuduhan dikemukakan kononnya Kerajaan kita pada hari ini bercorak anti-pekerja, anti-trade union. Kerajaan kita ini menindas pekerja dan menindas trade union.

Saya rasa bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tahu bahawa tuduhan-tuduhan ini tidak berasas dan tidak benar, akan tetapi sebahagian besar dari penduduk

dalam negeri kita ini tahu bahawa tuduhan ini memang tidak benar dan tidak betul. Oleh sebab itu, usul ini tidak dapat diterima dan mesti ditentang, oleh sebab asasnya salah, asasnya tidak benar, asasnya tidak betul. Kenapa mereka telah mengusulkan Rang Undang-undang ini, nyata ini semata-mata satu permainan politik, satu percubaan untuk mendapat sokongan, untuk mengelirukan fikiran dan pendapat orang ramai khususnya pekerja-pekerja. Ini dia satu cara bahawa pada mereka yang kurang modal politik yang terpaksa mencari bahan-bahan apa sahaja asalkan ini mungkin mendapat....

Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabar Yang Berhormat dari Kepala Batas.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah komplek National Metal Workers kepada ILO mengenai violation of the ILO Convention satu permainan politik?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau Ahli Yang Berhormat bangun on a point of order — boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat dari Kepala Batas beri jalan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Penjelasan bukannya pertanyaan seperti itu. Sila teruskan.

Tuan Mohamed Sovie bin Sheikh Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak rattle. Saya suka kalau dia hendak interrupt sepuluh kali pun sebab kita berpegang dan berdiri kepada kebenaran dan kerana kita mempunyai satu rekod yang dapat diuji. Kita tidak kluatir kalau dia mahu soal boleh jawab, sampai masanya saya akan jawab perkara yang dibangkitkannya itu. Orang yang makan cabai itu rasa pedas ataupun kata peribahasa Inggeris 'If the cap fits, wear it'. Saya ulangi dan berkata ini ialah satu permainan politik semata-mata oleh kerana

mereka ini kekurangan modal politik pada perkara yang betul-betul besar. Berkenaan dengan perkara sikap samada parti sana bahawa Kerajaan adalah terang dan nyata bahawa dalam manifesto parti, dalam dasar Kerajaan tidak sama sekali ada tujuan atau niat dalam sebarang usaha yang dijalankan untuk menindas, untuk memecah ataupun menjalankan sebarang perkara yang merugikan pekerja. Sebaliknya Kerajaan terima dan parti Barisan Nasional terima dasar tegas tentang kebebasan mengadakan Kesatuan-kesatuan Sekerja, memberi kebebasan sepenuhnya-penuhnya dalam lingkungan kepentingan nasional kepada gerakan pekerja. Dan saya rasa mereka yang usulkan perkara ini dalam teguran-teguran telah mendatangkan beberapa kecemaran terhadap nama baik dan juga kesatuan-kesatuan, ahli-ahli serta juga pemimpin-pemimpin gerakan Trade Union's dalam negeri ini. Barangkali mereka tidak sedar kerana cuba membangkit-bangkitkan semangat pekerja untuk menentang Kerajaan, mereka menyentuh nama baik Trade Union itu sendiri, ahli-ahli Trade Unions serta juga pemimpin-pemimpin Trade Unions.

Kita tahu pada masa sekarang bukan sahaja Kerajaan, pekerja akan tetapi tiap-tiap umat di negeri ini merasa bangga yang Trade Union kita, yang bercorak demokrasi dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang berdedikasi dan jujur menjalankan kerja dan usahanya sehingga menjadi contoh kepada seluruh rakyat, sehingga seluruh dunia mengiktiraf (recognise) yang Trade Union dalam Malaysia adalah satu-satunya Trade Union yang mungkin dicontohi, menjadi model dan example kepada Trade Unions di negeri-negeri yang sedang membangun khususnya di Asia dan Afrika. Itulah sebabnya ketua-ketua Trade Unions kita diminta, diundang, dibawa menjadi penasihat dan menjadi penunjuk dan menjadi ketua dan pegawai di Asia, di Afrika sehingga ke tingkat dunia. Ini satu recognition, satu penghargaan bukan sahaja kepada tubuh badan setiap pemimpin yang telah dipimpin dan dianjurkan, ini satu penghargaan kepada Trade Union kita, kepada susunan

Trade Union kita, kepada dasar Kerajaan yang telah membolehkan Trade Union semacam ini yang boleh muncul dan mencungkilkan bakat-bakat pimpinan yang diakui oleh seluruh dunia.

Bolehkah pihak di sana menafikan bahawa pada hari ini pemimpin agong pekerja seluruh dunia — dunia bebas, bukan dunia yang tidak bebas, barangkali ada lain lagi; tetapi di dalam dunia bebas di mana Trade Union itu di susun secara bebas, secara demokrasi dalam lingkungan International Confederation of Trade Unions, seorang Malaysia, anak Malaysia, warganegara Malaysia, Dr. P.P. Narayanan menjadi Ketua Pengerusi dan Presidenya. Ini saya rasa kita tidak boleh ketepikan, boleh diperkecilkan. Ini ialah satu proof, satu dalil sekiranya Trade Union kita ini diperhambakan, hendak dijadikan oleh mereka itu. Sekiranya suasana politik dan Trade Union kita begitu buruk, tentulah pemimpin, penganjur Trade Union dalam negeri kita ini tidak diterima, jangan jadi Presiden, barangkali masuk campurpun tidak, tetapi di kemuncak di atas sekali. Mulanya diketuai untuk seluruh Asia, itupun bukan incidental; setapak demi setapak, selangkah demi selangkah. Masuk dalam Jawatankuasa, berkhidmat menunjukkan bakat kebolehan, ditapis, diuji, kemudian bertahun-tahun menjadi Ketua Pengerusi, Presiden untuk Asian Region (kawasan Asia). Selepas beberapa tahun dipilih oleh semua pekerja dunia ini menjadi ketua dan pemimpin untuk pekerja dalam dunia bebas.

Ini satu hujah, saya rasa terpaksa saya tegaskan demi menebus nama baik bukan sahaja Kerajaan, akan tetapi Trade Union, pekerja negeri ini, pemimpin Trade Union ini dan juga undang-undang kita yang membolehkan tercungkilnya bakat pimpinan seperti ini dalam suasana yang sihat, bebas dan sesuai pula dengan kepentingan nasional kita. Kata pihak yang mencadang mahu membolehkan Trade Union kita ini mempunyai hak political action sebagai suatu senjata katanya, itu sebutannya sendiri, sebagai suatu senjata, itu terang. Barangkali ada setengah-setengah

orang yang berniat, berhajat menggunakan Trade Union ini untuk menjadi perkakas, menjadi alat, menjadi senjata untuk kepentingan politik. Kalau sekiranya sekian tuduhannya dan sekiranya betul sebagaimana mereka sendiri usulkan pindaan ini hendak datangkan supaya mereka boleh menggunakan kesempatan ini menggunakan Trade Union semata-mata sebagai alat, sebagai senjata, sebagai senjata politik, barangkali adalah satu titik perselisihan, pertentangan yang amat hebat dalam pendapat kita dan pendapat pihak di sana. Mungkin pihak di sana merasa wajar dan sesuai dan patut Trade Union itu diperkakaskan, diperalatkan, dipermainkan untuk kepentingan politik, tetapi di pihak kita, di pihak Barisan Nasional, di pihak Kerajaan sikap kita adalah tegas, terang dan ini termaktub dalam undang-undang pada hari ini yang menjaga dan menjaminkan supaya Trade Union dan pekerja-pekerja kita ini tidak dipermainkan, tidak dijadikan alat, tidak dijadikan senjata politik. Kalau hendak kira untung ruginya, saya rasa permainan menggunakan atau memperalatkan, ini bukan satu pihak yang boleh dipermainkan, lain pihak juga boleh memainnya dan saya rasa dalam permainan memperalat ataupun mempersenjatakan ini, kalau parti Barisan Nasional ini mahu seperti perasaan di sana menggunakan Trade Union tadi, saya rasa kebolehan kita (our capacity) untuk bermain itu barangkali lebih bagus, tetapi itu bukan soalnya.

Soal pokok ialah kita mahu dipergunakan, diperalatkan oleh Trade Union dan pekerja untuk sebarang pihak samada pihak kita mahupun pihak lawan ataupun pihak-pihak mana. Barangkali kita kurang cemburu atau kurang takut dipermainkan, dialatkan ataupun dijadikan alat oleh pihak sana ataupun oleh pihak yang lain yang di luar pagar dan yang di luar Dewan ini atau yang di luar Perlembagaan langsung yang boleh menggunakan Trade Union dan pekerja-pekerja untuk maksud-maksud dan tujuan-tujuan yang bertentangan dengan kebudayaan nasional yang boleh merosakkan kita. Itulah satu perkara

yang saya fikir penting. Iaitu soal mempertahankan memberi perlindungan kepada pekerja dan Trade Union supaya pekerja dan Trade Union ini tidak diperalatkan dan tidak dijadikan alat atau senjata politik oleh mana-mana pihak. Sungguhpun begitu adakah ini bererti seseorang ahli Trade Union, seseorang pemimpin Trade Union, seorang pekerja tidak boleh cergas di dalam lapangan politik? Tidak.

Sebaliknya adakah ini bererti seorang politikus (politician) yang cenderung kepada politik ditahan ataupun disekat daripada mengambil bahagian sebagai pekerja atau sebagai penganjur? Tidak! Sebab sungguhpun ada undang-undang pada hari ini, kita tahu cara memang ada yang membolehkan seorang tokoh di dalam lapangan politik juga mempunyai peranan bukan sahaja di taraf local ataupun bawah-bawahan tetapi seterusnya di peringkat atasan ataupun di peringkat nasional. Ada juga terdapat orang-orang yang menjadi tokoh Kesatuan Sekerja (Trade Union) yang menjadi tokoh politik di peringkat nasional. Tidak payah saya sebutkan nama-nama mereka, barangkali tidak kena pada tempatnya. Tetapi dengan bayangan ini kita semua bolehlah menggambarkan berapa ramai orang di dalam masyarakat kita yang cergas di dalam politik dan juga terkemuka di dalam lapangan pekerja yang cergas di dalam lapangan Trade Union dan juga terkemuka di lapangan politik. Sungguhpun nama jawatan itu ada berlainan sedikit, dia menjadi Secretary General union sekian-sekian tetapi menjadi penasihat sekian-sekian parti. Atau sebaliknya dia menjadi pegawai sekian-sekian parti tetapi menjadi penasihat sekian-sekian Trade Union.

Yang jelas ialah sambil undang-undang kita ini melindungi pekerja-pekerja dan Kesatuan-kesatuan Sekerja daripada dijadikan sebagai alat atau senjata politik kepada lain-lain golongan, dia tidak pula secara terus menyekat tokoh-tokoh politik daripada memberi sumbangan dan berbakti di lapangan Trade Union dan sebaliknya membenarkan dan

mbolehkan mengikut peraturan dan undang-undang yang ada, seseorang tokoh di lapangan Trade Union ini memberi sumbangan dan berbakti di dalam lapangan politik. Ini ialah juga satu kelebihan dalam keadaan kita sekarang ini yang pada suatu pihak melindungi tetapi sambil itu membolehkan atau membenarkan mereka yang giat dan mahu bergerak betul-betul mengikut undang-undang menjalankan usaha masing-masing.

Tentang “peanut union” — union kacang putih atau kacang tanah, kalau tidak salah....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Peanut lebih besar daripada kacang putih!

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Boleh jadi! Tetapi Ahli Yang Berhormat itu datang dari Kinta, jadi dia punya soal kacang tanah sahajalah. Tetapi barangkali lupa bahawa kalau hendak kira tentang besarnya union negeri ini pun tidak kekurangan tentang kemegahannya sebagai rumah ataupun sebagai tempat bertapaknya satu union yang terbesar sekali di dunia. Di mana-mana negeri sekalipun kita pergi, mesti ada yang kecil ataupun yang besar, yang tinggi ataupun yang rendah. Tetapi sekiranya undang-undang kita ini menghasilkan satu union yang mempunyai sepuluh dua belas orang, ini bolehlah dikatakan peanut union, butternut union ataupun union kacang putih. Tetapi saya rasa pihak sana tidak dapat menafikan bahawa kita ada reputation juga tentang saiz. Saiz dari segi keanggotaan yang saya maksudkan. Jadi saiz dari segi keanggotaan ini tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia mempunyai Trade Union untuk pekerja-pekerja ladang yang terbesar di dunia, yang bergabung di dalam International Confederation of Free Trade Unions.

Dalam Federation of International Land Workers, siasatlah union manakah yang mempunyai keahlian yang terbesar dan kuat sekali. Tidak lain ialah National Union of Plantation Workers ataupun Kesatuan Pekerja-pekerja Ladang Malaysia. Ini ialah kesatuan yang terbesar di dunia, tidak dapat di-

nafikan. Jadi sambil adanya union yang kecil ada juga union yang besar. Undang-undang kita tidak menghasilkan peanut union sahaja. Begitu juga saya terperanjat bila dengar bahawa kita ini kononnya menjalankan dasar pecah dan perintah (divide and rule) kerana kononnya Pendaftar Kesatuan Sekerja memaksa pekerja-pekerja logam dalam negeri ini dipecah-pecah masuk enam buah union. Saya tidak tahu apakah gayanya pihak sana mahu pekerja-pekerja ini disusun. Tetapi sudah menjadi amalan biasa di dunia ini, mahu tidak mahu dari segi peraturan mesti ada satu-satu cara, satu peraturan samada craft union, samada house union dan sebagainya.

Setengah-setengah tempat itu menjadi amalan biasa untuk pekerja-pekerja sendiri memutuskan tentang baiknya ditubuhkan kesatuan di kalangan mereka yang sama sekerja, kalau kerani sama kerani; kalau guru sama guru, kalau orang kerja ladang sama orang kerja ladang, bersatu menjadi satu Kesatuan Sekerja. Itu craftnya. Ada juga setengah-setengah negeri seperti Jepun misalnya, dia lebih suka house union. Dia lebih gemar, tidak kira apa jenis kerja, kalau semua orang yang bekerja di dalam suratkhbar Asahi Shimbun misalnya semuanya menjadi ahli dalam Union Asahi Shimbun itu. Walaupun orang yang bekerja keretapi Zen Nippon To-do, tidak kira apa jenis kerja, asalkan semua kerja dalam pentadbiran keretapi Jepun, dijadikan satu union Zen Nippon To-do. Begitulah amalan biasa di mana terpaksa kita buat satu peraturan hendak menyusun perkara itu mengikut pekerjaan ataupun mengikut tempat kerjanya. Dan apa yang telah diamalkan oleh negeri ini dalam Undang-undang Buruh kita tidak berlainan dan tidak ganjil, ini ialah kerana dengan berkumpulnya samada cara bekerja yang sejenis kerja ataupun jenis tempat kerja bolehlah disatukan sebagai kepentingan dan bolehlah diidentifikasi kepentingan dan dapatlah kita unsur-unsur dan perkara-perkara yang dapat Union ini usahakan dengan berhasil dan mendatangkan faedah kepada semua ahlinya.

Jadi dari segi ini bila mereka bersungut mengatakan bahawa sekarang ada enam buah kesatuan yang mempunyai bermacam-macam pekerja yang bekerja dengan berbagai-bagai persatuan dalam negeri ini. Pada hemat mereka patut disatukan dalam satu badan yang boleh diidentifi dan boleh dikenal sebagai ada berkaitan dengan perusahaan logam, ini tidak menjadi masalah. Pada hemat saya mengikut Undang-undang yang masih ada pada hari ini memang boleh kesatuan-kesatuan tidak kira apa jenis kesatuan yang sama corak dan yang ada sifat-sifat yang dapat diseleraskan berkumpul dan mengadakan Federation, Kongres. Misalnya, CUEPACS iaitu Kongres yang terdiri daripada union-union yang mengandungi ahli-ahli daripada pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam. Begitu juga dengan masalah pekerja logam ini tidak ada masalah kepada mereka, kalau mereka mahu bersatu dengan tiap-tiap golongan supaya dapat mempertahankan kepentingannya masing-masing dengan tidak kira siapa yang menjadi ketua dan orang lain menjadi pengikut atau sesiapa hendak menggunakan orang lain untuk menjadi senjata politik, seperti saya sebutkan tadi tidak menjadi masalah. Yang menjadi masalah yang ditimbulkan dan dibawa keluar negeri sampai merosakkan nama baik negeri ini.

Saya sebutkan sehingga membawa tindakan yang mendatangkan kecemaran kepada nama baik negeri ini, tuduh sana-sini, tidak ketahuan. Ini mungkin didorong oleh nafsu mahu berkuasa tanpa menerima secara bebas dan sukarela oleh mereka yang terlibat. Ini mungkin telah timbul soal yang semacam ini, iaitu soal mahu "close shop", memaksa semua mesti masuk union, kalau tidak masuk tidak boleh diiktiraf dengan mengatakan kami mahu mogok dan sebagainya. Ini menimbulkan soal mogok dan lock-out, mereka lebih suka dan seronok mahu mogok dan lock-out daripada kepentingan orang ramai, kepentingan rakyat jelata

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sudah bercakap lanjut

sangat. Pencadang tadi menyebutkan hendak memberi penaksiran tentang mogok dan lock-out. Kita bukan membincangkan Rang Undang-undang tetapi usul sahaja, jadi kalau hendak membahaskan apa yang telah dikemukakan oleh pencadang tadi bolehlah. Tetapi perkara mogok dan lock-out ini dalam ingatan saya pencadang tidak ada mengemukakan apa-apa hanya mengatakan kalau diluluskan oleh Dewan ini, Rang Undang-undang itu akan memberikan penaksiran berkenaan dengan mogok dan lock-out. Sila kalau hendak sambung lagi!

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua; saya akan patuh kepada arahan dan ruling. Saya bercakap kerana saya rasa sesuai dengan usul, tetapi jikalau Tuan Yang di-Pertua tidak benarkan saya berucap cara ini saya tidak mahu lanjutkan perbahasan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya tidak kata tidak benarkan, tetapi mengenai mogok dan lock-out ini tidak payah bincangkan kerana pencadang ini tidak cakap apa-apa, dia hanya kata dalam Rang Undang-undang nanti dia akan memberi tafsiran mengenai perkara mogok dan lock-out. Ucapan Yang Berhormat tadi adalah sesuai sebab itulah saya biarkan, sila kalau hendak teruskan lagi.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Saya faham dan saya terangkan bahawa soal ini mungkin boleh mendatangkan kekeliruan semata-mata. Tetapi saya belum cakap apa-apa Tuan Yang di-Pertua sudah tahan begitu, jadi fikiran saya sudah putus dengan itu saya tidak mahu bercakap lagi.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak bercakap juga?

4.27 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak hendak

bercakap, tetapi saya rasa tadi ada beberapa ulasan-ulasan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas yang tidak membenarkan saya menjelaskan.

Sebagaimana yang kita tahu beliau dahulu adalah seorang pemimpin Kesatuan-kesatuan Sekerja dan juga seorang Ketua Parti-parti Politik (Pembangkang) dan saya rasa sangat hairan mendengar ucapan-ucapannya, tetapi oleh kerana beliau tidak ada di sini saya rasa tidak payahlah bagi saya membuat apa-apa ulasan dan saya mahu bercakap mengenai dua tiga perkara sahaja.

Yang pertama, adakah patut bahawa pemimpin-pemimpin Kesatuan-kesatuan dihalang daripada mengambil bahagian dalam parti-parti politik. Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas berkata bahawa perkara ini patut. Tetapi kalau perkara ini patut oleh kerana kita takut ahli-ahli politik atau gerakan-gerakan politik akan menggunakan pekerja-pekerja dan kesatuan-kesatuan, jadi kenapa tidak ada satu peraturan yang menghalang, mencegah ketua-ketua lain-lain badan seperti badan-badan pengguna-pengguna. Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas dahulu pernah menjadi Presiden badan-badan pengguna dan mengambil bahagian dalam parti politik, Kesatuan-kesatuan Peladang (Farmers' Association) dan lain-lain badan. Kenapa perlu dihadkan kepada kesatuan-kesatuan sahaja, perkara ini tidak patut dan ini menunjukkan niat Kerajaan tidak mahu membenarkan pemimpin-pemimpin kesatuan-kesatuan memainkan satu peranan politik yang sangat mustahak oleh kerana perkataan politik ada bersangkutan-paut dengan maju atau mundurnya gerakan Kesatuan-kesatuan Sekerja.

Seperkara lagi ialah tadi telah disebutkan bahawa pemimpin Kesatuan-kesatuan Sekerja dapat penghargaan atau recognition di lapangan antarabangsa di mana ada disebutkan seorang yang sudah jadi Presiden I.C.F.T.U. tetapi kalau sebenarnya Kerajaan menghargai peranan yang dimainkan oleh kesatuan-kesatuan dan pemimpin-pemimpin kesatuan

lebih baik mereka dibenarkan mengambil kegiatan yang cergas dalam bidang politik dan melantik mereka ke Senate. Dahulu ada anggota-anggota di Senate yang mewakili pekerja-pekerja, tetapi sekarang mana ada? Kalau hendak bukti tunjukkanlah misalnya nama tempat sebagai penghargaan dan peranan pekerja-pekerja di mata Kerajaan.

4.30 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil bahagian dalam perbincangan di atas usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta untuk satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bertajuk Akta Kesatuan Sekerja dan Perhubungan Perusahaan (Pelbagai Peruntukan) (Pindaan), 1977 untuk meminda Ordinan Kesatuan Sekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan dikatakan oleh beliau untuk membuat peruntukan untuk mencantum kesatuan-kesatuan sekerja yang mempunyai lapangan yang sama dan seterusnya untuk membuang semua tegahan-tegahan yang menyekat perkembangan kemajuan kesatuan-kesatuan sekerja. Saya telah ikuti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, dan merasa bahawa apa yang dicadangkan oleh beliau tidaklah dikehendaki untuk tujuan yang beliau katakan itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat memang sedia maklum bahawa Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 yang berkuatkuasa sekarang, di bawah Seksyen 32 Ordinan tersebut sedia mempunyai peruntukan-peruntukan yang cukup untuk mencantumkan kesatuan-kesatuan sekerja yang bergiat dalam lapangan yang sama. Benarkan saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, membacakan Seksyen 32 itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila.

Tuan K. Pathmanaban: Seksyen 32 Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 mengatakan:

“Any two or more registered trade unions within similar trades, occupations or industries may become amalgamated as one

trade union with or without dissolution or division of the funds of such trade unions either or any of them provided that:

- (a) the votes of at least one-half of the members of each or every such trade union entitled to vote are recorded; and
- (b) that at least sixty per cent of the votes recorded are in favour of the proposal.”

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, bahawa peruntukan ini sudah cukup untuk mencantumkan/mengkosolidet kesatuan-kesatuan sekerja yang mungkin kecil dalam lapangan yang sama untuk memberi kepada mereka satu penyelarasan dasar dan lain-lain. Kita sedia ada dalam negara kita satu Federation seperti itu di bawah Seksyen 32 Ordinan tersebut, iaitu Federation yang dinamakan CUEPACS untuk menyelaraskan kesatuan-kesatuan yang bergiat dalam lapangan am (public sector) dan peruntukan Seksyen ini bolehlah saya fikir digunakan oleh kesatuan-kesatuan yang lain yang difikirkan dalam sama lapangan untuk bercantum dalam sebuah Federation mengikut peruntukan yang sedia ada dalam undang-undang tersebut.

Dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dari Kinta bahawa Undang-undang Kesatuan Sekerja dan Perhubungan Perusahaan telah memberi kuasa budibicara yang luas kepada Yang Berhormat Menteri dan perkara-perkara ini sedang dijadikan sebagai satu halangan kepada perkembangan kesatuan sekerja yang kuat dan lain-lain. Inginlah saya, Tuan Yang di-Pertua, di sini mengatakan bahawa Akta-akta tersebut dan Ordinan-ordinan tersebut yang telah diluluskan oleh Parlimen ini sendiri dan Seksyen-seksyen yang memberikan budibicara (discretion) kepada Yang Berhormat Menteri Buruh adalah kuasa-kuasa yang diberikan oleh Parlimen sendiri dengan kuasa Parlimen. Ini dibuat, saya rasa di atas kehendak-kehendak urusan-urusan penyelesaian pertikaian-pertikaian yang memang berbangkit dalam lapangan pekerjaan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Oleh kerana di dalam sebuah undang-undang tidaklah kita dapat anticipate segala bentuk kerumitan yang akan timbul dalam perhubungan di antara majikan dan pekerja dan harus kita fikir untuk kecekapan proses penyelesaian pertikaian-pertikaian di antara majikan dan buruh harus menyediakan peruntukan-peruntukan yang memberi budibicara kepada Yang Berhormat Menteri menggunakan cara dan “timekan” intervention beliau untuk mencari satu jalan menyelesaikan pertikaian-pertikaian yang timbul. Budibicara yang diberi kepada Menteri di bawah Undang-undang Parlimen itu tidaklah, saya ingin menegaskan di sini, tidak disalahgunakan dan selalunya budibicara yang digunakan itu adalah untuk mencari penyelesaian pertikaian yang telah ditimbulkan atau telah tertimbul dalam satu-satu keadaan. Jika kita tidak ada budibicara seperti ini saya fikir kita akan bergiat dalam satu iron framework dengan tidak dapat mencari dari segi ingenuity manusia satu jalan yang sesuai untuk masa dan keadaan yang ada dalam satu pertikaian. Jadi, tak usahlah, saya fikir kita menggunakan kuasa budibicara itu yang diberi kepada Menteri oleh Parlimen sebagai satu bahan untuk mengatakan bahawa undang-undang itu tidak baik atau buruk oleh kerana undang-undang itu mempunyai budibicara. Kita telah melihat undang-undang di mana-mana pun, Undang-undang Buruh khususnya, undang-undang yang mentadbirkan perkara-perkara mengenai industrial relations memang mempunyai budibicara kepada Menteri-menteri yang mentadbirkan undang-undang itu untuk mencari jalan seperti itu. Saya fikir kita tidaklah dapat menerima hujah-hujah yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta tadi, tidak dapat diterima melainkan beliau dapat membentangkan kepada Dewan ini kes-kes yang tertentu di mana budibicara itu telah disalahgunakan.

Beliau telah juga merujuk kepada perkara aduan (complaint) yang diterima atau dikatakan dibuat oleh International Metal Workers Federation kepada ILO bahawa Kerajaan

Malaysia telah melanggar peruntukan-peruntukan ILO Convention No. 87 mengenai kebebasan kegiatan kesatuan-kesatuan sekerja. Ingin saya menegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa aduan yang dibuat itu kita telahpun lihat. Aduan itu adalah satu salah tuduhan (misintended and misplaced) dibuat oleh International Metalworkers' Federation oleh kerana negara Malaysia seperti lebih daripada setengah negara di dunia ini, belum lagi mengiktirafkan (ratify) ILO Convention No. 87 itu dan oleh kerana itu kita tidak terikat kepada apa yang terkandung di dalam ILO Convention No. 87 itu. Jadi jika mereka ada komplek bolehlah kita siasat dan dalam minggu-minggu yang akan datang kita akan menjawab kepada aduan yang dibuat. Sudah terang dan tentu bahawa kita akan memberitahu ILO untuk mengkaji kepada buku-buku rekodnya dan melihat bahawa Malaysia adalah di antara lebih daripada setengah negara-negara dunia yang belum lagi mengiktirafkan ILO Convention No. 87. ILO Convention No. 87 itu adalah satu Convention yang mengandungi syarat-syarat yang ideal dalam kegiatan-kegiatan kesatuan sekerja ini. Ideal yang kita fikir harus dikandung dalam Convention seperti itu, tetapi saya fikir terpujanglah kepada Kerajaan sesebuah negara untuk mengadakan Undang-undang Buruh, undang-undang yang mentadbirkan kesatuan sekerja, yang sejajar dengan keadaan dalam negara itu, yang sejajar dengan kepentingan negara-negara itu dan bukan kepada satu ideal yang dipuji-puji ataupun diterima oleh semua orang. Dewan-dewan Parlimen di negara-negara yang lain, seperti kita juga mempunyai kuasa dan mempunyai kewajipan, saya fikir untuk mengadakan undang-undang yang sejajar yang mengikut kepentingan negara-negara itu, kepentingan masyarakat di dalam negara itu dan bukan ideal sahaja yang terkandung dalam Convention seperti Convention No. 87.

Sudah beberapa kali kita membincangkan isi kandungan ILO Convention No. 87 itu dengan pihak kesatuan sekerja di sini, pihak MTUC dan pihak majikan dan kita telah ber-

setuju bahawa belumlah sampai masanya untuk negara Malaysia mengiktirafkan ILO Convention itu. Ingin juga saya menerangkan bahawa ILO Convention No. 87 itu memperuntukkan bahawa sebuah Kesatuan Sekerja tidak boleh didaftarkan di bawah apa juga undang-undang, bahawa kesatuan-kesatuan sekerja mesti diberi kebebasan untuk kegiatan dengan ketiadaan pendaftaran di bawah undang-undang negara.

Kita sudah tahu dan pengalaman kita dalam perkara ini adalah penting bahawa semua kegiatan pergerakan masyarakat Malaysia atau sebahagian masyarakat Malaysia mestilah di bawah kuasa undang-undang dan semua society atau kesatuan bukan sahaja kesatuan sekerja mesti daftar by-laws atau peraturan-peraturan mereka dan mesti juga menghantar kepada Pegawai Pendaftar Kesatuan-kesatuan lapuran tahunan mereka. Isi kandungan Societies Act itu adalah untuk menjaga dan mempertahankan ahli-ahli dan pergerakan itu daripada anasir-anasir, khususnya anasir-anasir subversif, yang telah pernah dalam sejarah Malaysia kita sebelum tahun 1952 atau 1953 menggunakan pergerakan kesatuan sekerja, di antara lain, sebagai alat-alat untuk memajukan kepentingan mereka sendiri dan bukan kepentingan ahli-ahli kesatuan itu termasuk ahli-ahli kesatuan sekerja. Ini pengalaman negara Malaysia dan saya fikir kita semua cukup masak untuk dapat tahu secara langsung pengalaman itu dan untuk bersetuju bahawa negara kita mestilah mempertahankan diri daripada ancaman-ancaman anasir subversif yang selalu sahaja dan sentiasa cuba masuk ke dalam pergerakan-pergerakan seperti ini untuk mencari kepentingan mereka sendiri atau kemajuan mereka sendiri dan bukan kepentingan atau kemajuan pekerja-pekerja. Kebebasan seperti itu kita tidak dapat terima langsung. Ini telah dibincangkan dalam forum-forum international juga dan seperti yang saya katakan tadi lebih daripada setengah negara di dunia ini belum lagi mengiktiraf ILO Convention No. 87. Tetapi dasar Kerajaan Malaysia adalah terang dan jelas. Sejak kita merdeka, dasar kita adalah untuk

menggalakkan kemajuan dan perkembangan pergerakan kesatuan sekerja yang sungguh-sungguh kuat, sungguh-sungguh sihat dan sungguh-sungguh bertanggungjawab dan demokratik. Dasar ini telah kita jalankan sejak negara kita merdeka dan bukti-bukti untuk kejayaan dasar itu terdapat sekarang. Kita melihat bahawa dalam negara kita pada masa ini didapati dalam daftar Pendaftar Kesatuan Sekerja lebih daripada 373 Kesatuan Sekerja dengan ahli-ahlinya 550,000 orang. Ini adalah satu angka yang sungguh besar dan sungguh memuaskan walaupun ada peluang dan lapangan untuk kegiatan sekerja memasuki ahli-ahli lagi daripada pekerja yang belum menjadi ahli kesatuan sekerja.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi telah menyebutkan angka bahawa 85% daripada pekerja-pekerja negara belum lagi memasuki kesatuan sekerja dan ini adalah menunjukkan, kata beliau, bahawa Undang-undang Buruh negara kita, telah menghalang pekerja-pekerja ini memasuki dalam pergerakan kesatuan sekerja. Ini tidaklah benar, Tuan Yang di-Pertua. Angka keahlian kesatuan sekerja sebagaimana saya telah beri tadi menunjukkan lebih daripada 25% atau 30% pekerja-pekerja (labour force) Malaysia kita telah memasuki kegiatan kesatuan sekerja di antara 373 Kesatuan Sekerja yang telahpun didaftarkan. Ratio ini saya fikir adalah baik jika dibandingkan dengan negara-negara yang membangun ataupun negara-negara yang telah maju. Kita harus ingat, apabila kita menyebut angka-angka seperti ratio labour force yang telah memasuki kesatuan-kesatuan sekerja bahawa di negara-negara seperti negara Malaysia terdapat lebih daripada setengah atau setengah labour force itu adalah self-employed atau dalam pekerjaan-pekerjaan pertanian atau nelayan dan lain-lain urusan yang biasanya tidak ada perhubungan seperti majikan atau pekerja, tidak ada employer/employee relationship.

Setengah daripada labour force negara Malaysia kita adalah dalam bidang pertanian

dan daripada bakinya satu bahagian yang bukan kecil ada dalam usaha-usaha mereka sendiri sebagai self-employed. Jika kita dapat menolak daripada golongan yang boleh jadi ahli kesatuan sekerja atau senang jadi ahli kesatuan sekerja di negara Malaysia, saya berani mengatakan, bahawa lebih daripada 60% golongan pekerja yang ingin dan boleh jadi ahli kesatuan sekerja telahpun didaftarkan dan telahpun dapat faedah dari kegiatan pergerakan kesatuan sekerja di negara Malaysia ini, jika kita bandingkan kejayaan ini dengan negara-negara yang lain dan saya yakin Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan Ahli Yang Berhormat dari Kinta telahpun melawat beberapa negara dan saya ingin bertanya berapa negara yang dapat mencerminkan angka-angka seperti ini.

Di kebanyakan negara khususnya di negara-negara yang membangun kesatuan-kesatuan sekerja adalah bersusah payah hendak bergerak, oleh kerana keadaan di situ, tetapi di negara Malaysia seperti yang dikatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Kepala Batas sudah ada tanda dan penerimaan pergerakan kesatuan sekerja, bukan sahaja di negara Malaysia, tetapi juga dalam peringkat antarabangsa, tanda-tanda ini terang dan jelas dan kita tidak dapat nafikan. Di peringkat-peringkat antarabangsa di Malaysia dapat memainkan peranan yang penting dan dikenalkan oleh pemimpin-pemimpin yang lain. Dalam negara juga pekerja-pekerja kita telah pun dilantik dan mewakili pekerja-pekerja dalam beberapa lembaga, majlis dan lain-lain. Ini adalah bukti dan tanda bahawa Kerajaan kita, negara kita, masyarakat kita sudah terima pergerakan kesatuan sekerja sebagai satu aspek pergerakan masyarakat yang penting dan patut dihormati.

Penerimaan dan penghormatan itu telahpun diberi kepada pergerakan kesatuan sekerja di negara Malaysia dan segala ini dapat dicapai di bawah reka bentuk (framework) undang-undang yang telah kita adakan sejak negara kita merdeka dan bukan sebagai secara haram atau secara gaduh atau secara lain-lain di luar

undang-undang. Undang-undang dan dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang kita ada dalam lapangan buruh ini telah membawa, keadaan itu di mana kesatuan-kesatuan sekerja bukan sahaja menjalankan urusan-urusan untuk mempertahankan kepentingan pekerja-pekerja dalam pekerjaan mereka, tetapi juga telah membolehkan pekerja-pekerja kita melalui kesatuan-kesatuan mereka menubuhkan dan mengambil bahagian dalam berbagai-bagai bidang perdagangan, perusahaan kewangan dan lain-lain. Ini adalah tanda bahawa kesatuan-kesatuan sekerja sendiri tidak merasai bahawa halangan-halangan yang ada dalam Akta Kesatuan Sekerja adalah begitu besar samada menyusahkan atau menyekat mereka daripada kegiatan-kegiatan yang difikirkan penting untuk asas mereka, kewajipan dan tujuan mereka yang asasi iaitu mempertahankan kepentingan dan kemajuan pekerja-pekerja dalam kesatuan pekerja mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Kinta tadi telah membentangkan satu hujah bahawa Akta Kesatuan Sekerja (Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959) menghalangkan atau tidak membenarkan kesatuan-kesatuan sekerja bertindak atau bebas dalam bidang politik untuk mengatasi masalah-masalah yang mereka hadapi. Komen ini saya sangat hairan, kerana saya fikir dalam bidang politik sudah cukup bahan tetapi jika tidak ahli-ahli politik khususnya daripada Pembangkang patutlah boleh mencari sedaya upaya mencari bahan untuk full of employment mereka dan tak pernah kita mencari bahan-bahan yang lain daripada bidang pekerjaan untuk memenuhi masa atau tenaga kita dalam bidang politik.

Perkara-perkara yang bersangkutan dengan pekerjaan bolehlah diuruskan melalui undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada dan sudah ada bukti bahawa tidak ada banyak perkara atau masalah-masalah yang telahpun ditimbulkan sejak negara kita merdeka dan tidak dapat diselesaikan atau diputuskan melalui cara-cara yang

saya sebutkan tadi, iaitu undang-undang atau peraturan-peraturan dan dasar-dasar yang kita sedia ada. Sudah kebiasaan bahawa jika perundingan di antara majikan-majikan mengenai perkara pekerjaan, jika perundingan itu tidak berhasil untuk menyelesaikan issue-issue yang mereka hadapi, bolehlah dirojokkan kepada usaha-usaha orang tengah (conciliation) di Kementerian saya. Dan jika itupun tidak berhasil, kita boleh merojokkan pertikaian itu kepada Mahkamah Perusahaan yang ditubuhkan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Dan Mahkamah Perusahaan itu mempunyai segala kuasa untuk memberi keputusan yang muktamad di atas issue-issue pekerjaan yang dirojokkan kepada mahkamah itu. Sekali sekala terdapat di mana keputusan Mahkamah itu dicabar di Mahkamah Tinggi oleh kerana dikatakan oleh satu pihak atau lain bahawa keputusan itu atau proses Mahkamah Tengah itu dalam kes tersebut telah melanggar natural justice atau hak-hak yang lain di bawah konsep rule of law. Ini adalah satu perkara yang dikesalkan oleh kerana cabaran atau merojokkan perkara-perkara yang boleh diputuskan dengan muktamatnya oleh Mahkamah Perusahaan dan pengedaran issue itu kepada Mahkamah Tinggi akan melambatkan proses kita mencari satu penyelesaian yang sesuai dan sewajarnya untuk pekerja-pekerja. Ini melambatkan. Kita sedar, tetapi negara kita adalah sebuah negara yang menghormati rule of law dan prerogative yang mereka ada untuk merojokkan perkara-perkara seperti itu atau apa yang difikirkan sesuai kepada Mahkamah Tinggi adalah di bawah perlindungan Perlembagaan kita dan di bawah Akta Court of Judicature.

Perkara ini walau bagaimanapun sedang diasiat oleh Kementerian saya dan kita harap dengan perbincangan di antara majikan dan kesatuan-kesatuan sekerja dan pengalaman yang sedia ada di atas perkara-perkara itu kita akan dapat mencari jalan yang lebih sesuai untuk memutuskan perkara-perkara seperti itu. Di sini juga saya ingin menyatakan bahawa tidaklah perlu perkara-perkara yang mengenai pekerjaan dibawa atau ditarik ke

dalam bidang politik oleh kerana pihak kesatuan sekerja juga pihak MTUC baru-baru ini mengakui sejak penubuhan MTUC itu telah tidak terima bahawa issue-issue berkaitan dengan pekerjaan mesti diperjuangkan dalam bidang politik. Mereka tidak terima. Baru-baru ini juga kita melihat keputusan ramai (majority) kesatuan sekerja menyatakan mereka tidak ingin perkara pekerjaan diperjuangkan dalam bidang politik atau mereka tidak ingin menjadikan kesatuan-kesatuan sekerja itu sebahagian atau satu alat untuk politik. Ini adalah jelas dan saya harap pihak Pembangkang yang menimbulkan perkara ini dapat mencari bahan-bahan yang lain untuk memajukan perjuangan mereka sebagai parti Pembangkang.

Mengenai Ordinan Pekerjaan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kinta tadi mengatakan bahawa Akta Kesatuan Sekerja telah menghalang perkembangan kesatuan-kesatuan sekerja yang sungguh sihat atau sungguh besar dan di beberapa tempat pekerjaan kononnya Akta Kesatuan Sekerja ini telah menghalang pekerja-pekerja untuk memasuki keahlian kesatuan-kesatuan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Kesatuan Sekerja ini memperuntukan bahawa pekerja-pekerja daripada "same" atau similar industry, lapangan perusahaan atau pekerjaan yang serupa boleh bergabung dalam sebuah kesatuan sekerja dan tidak membenarkan pekerja-pekerja daripada pelbagai pekerjaan atau perusahaan menjadi ahli dalam sebuah kesatuan sekerja. Kita hanya menghalang apa yang selalu dikatakan "Omnibus union" bagi kesatuan sekerja mesti patuh kepada kehendak "same" atau similar trade, or occupation or industry yang disebut dalam Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 itu.

Peruntukan Ordinan itu adalah dibuat dalam ordinan tersebut selepas negara kita merdeka dan selepas kita telah menjalankan perjuangan untuk kebebasan negara kita selama lebih 12 tahun. Pada masa emergency yang pertama dahulu kita telah melihat be-

berapa kesatuan sekerja yang mengandungi ahli-ahlinya daripada pelbagai lapangan dan pelbagai pekerjaan yang telah bergabung dalam omnibus union, kesatuan sekerja yang telah disalahgunakan dan telah dicerobohi oleh anasir-anasir yang ingin mengambil kuasa di negara ini secara haram. Oleh kerana ahli-ahli kesatuan-kesatuan sekerja itu tidak mempunyai hasrat atau objektif atau kepentingan yang sama telah memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin yang bukan mementingkan kehendak-kehendak ahli itu tetapi mementingkan dan memperjuangkan kepentingan mereka sendiri dalam lapangan-lapangan yang tidak kena mengena dengan lapangan pekerjaan.

Ini adalah pengalaman kita dan Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 adalah menghalang perkara-perkara yang begitu dan ini saya fikir adalah satu perkara yang baik dan saya fikir kita mesti melanjutkannya untuk mempertahankan negara kita dan pekerja-pekerja kita daripada anasir-anasir yang tidak mementingkan pekerja-pekerja itu. Tetapi ingin memperjuangkan tujuan-tujuan mereka sendiri. Ini kita tidak dapat meminda atau menukar pada masa ini. Tetapi saya boleh memberi jaminan bahawa Kerajaan tidak ingin untuk memecahbelahkan pergerakan Kesatuan Sekerja dalam 'peanut' union atau lain-lain union yang kecil dan lemah atau lain-lain. Kerajaan ada mempunyai dasar yang benar, dasar yang telah memberi bukti yang baik bahawa kita ingin pekerja-pekerja negara kita ini memasuki dan mentadbirkan Kesatuan-kesatuan Sekerja yang sungguh sihat, yang sungguh kuat yang bertanggungjawab dan berdemokratik dan angka-angka yang telah saya berikan tadi menunjukkan bahawa dasar ini telahpun mendatangkan hasil yang baik, faedah yang baik bukan sahaja kepada pekerja-pekerja tetapi juga untuk negara pada amnya.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak salah rasanya saya menyatakan di sini tadi dan saya mencadangkan supaya Dewan ini menolak Usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kinta.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang hendak bercakap? Kalau tidak, Ahli Yang Berhormat yang mencadang, kalau suka, boleh menjawab.

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi satu jawapan yang pendek dan ringkas dan saya minta izin membaca satu document dari I.M.F. dan dokumen itu ditandatangani oleh Herman Rebhau, Setiausaha Agung I.M.F. iaitu International Metalworkers' Federation dan tarikh surat ini ialah June 3, 1977. Saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Surat itu dihantar kepada siapa, Yang Berhormat?

Tuan Ngan Siong Hing: Kepala ILO.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat selepas bacakan itu, boleh serahkan salinan kepada Setiausaha Dewan. Sila baca.

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Yang di-Pertua, surat ini bertajuk, "I.M.F. Complaint against the Government of Malaysia." Saya bacakan:

"According to Articles No. 2 and 3 of ILO Convention No. 87 concerning freedom of association and protection of the right to organise, adopted in San Francisco at the 31st session from June 17 to July 10, 1948, workers have the right to establish and to join organisations of their own choosing without previous authorization. The public authorities shall refrain from any interference which would restrict this right or impede the lawful exercise thereof.

The IMF acting on behalf of affiliates in Malaysia, accuses the Government of Malaysia to have violated, through the current practice of the competent authorities, the spirit and the letter of Convention No. 87. As proof of this allegation the I.M.F. would like to submit the following facts:

1. Under the compulsion of the rulings of the competent authorities metalworkers in Malaysia over more than 10 years were forced to set up various separate unions and affiliate them individually to the IMF. Thus the IMF at present has the following affiliates in Malaysia.

- (a) Metal Industry Employees Union (MIEU) 6,000 members.
- (b) Nation Union of Industrial, Mineral Smelting Workers, 800 members.
- (c) Electrical Industry Workers Union 4,000 members.
- (d) Machinery Manufacturing Employees union, 500 members.
- (e) Transport Equipment and Allied Industries Employees Union, 500 members.
- (f) Union of Malayawata Steel Workers, 1,000 members.

A seventh union, the United Motor Works Employees' Union, 500 members, has just applied for affiliation. The application letter expressly states that 'the employees of United Metal Works were not permitted to join any of the other existing metalworkers' unions and thus they were compelled by the Registrar of Trade Unions to establish a separate union.'

It is easy to understand that the enforced division of the total membership of no more than 13,000 members among seven unions is not in the interest of the workers. The IMF Malaysian Council, formed by the affiliated unions to overcome some of the most negative effects of the artificial split, can of course not replace a single, unified organisation. The present status of fragmentation is not the result of the free choosing of the metalworkers, but of arbitrary government decisions in contradiction with the principles of the ILO.

2. The Electrical Industry Workers' Union has been restricted to organise workers in companies engaged in the manufacture of electrical appliances, but in view of the 30,000 workers in companies engaged

in the manufacture of electronic components, semi-conductors, calculators, etc. having no union of their own, the EIWU has applied several times during the last four years to the Minister of Labour to permit them to unionise the electronics workers, but they have not been successful. By letter of 4 April, 1976, the Minister of Labour has informed the union that their appeal to amend the union's name and membership scope was rejected. It was the aim of that amendment to put the union in a position to organise the 30,000 electronics workers in Malaysia. According to the Labour Ministry's spokesman, the Electronic Industry Workers' Union catered for a different category of workers whose mode of working was also different. The Ministry of Labour did not even have the courtesy of answering the IMF letters dated May 26, 1976 and dated July 22, 1976. In view of this attitude it is not surprising that even the collection of signatures from a substantial number of electronics workers testifying their wish to join the EIWU was completely ignored by the authorities.

3. Another union which has faced serious problems ever since its inception in 1963, is the Metal Industry Employees Union (MIEU). Every year the Registrar of Trade Unions ruled that the MIEU should remove some of their members, and every year the employers use the Registrar's unfavourable ruling against the MIEU to victimise and indiscriminately dismiss active union organisers. Even at the time of submitting this complaint the MIEU has appealed to the Labour Ministry to overrule the Registrar's decision in connection with the members from the following firms:

- (a) Malayan Cables Ltd.
- (b) Federal Cables, Wires & Metal Mfg. Ltd.
- (c) Selangor Pewter Co.
- (d) Penang Pewter Co.
- (e) Newey Pvt. Ltd.

It is worthwhile to go into some details of the last case, the Newey Pvt. Ltd. The MIEU

was informed by the Registrar of Trade Unions by letter dated March 16, 1977 that this Union has no right to organise the workers of this firm, an India-Malaysia joint venture engaged in the manufacture of safety-pins, hooks, hair clips and pins of many types. The Registrar, although agreeing that the products of the company are made of metal, ruled that since these products are used for dress-making, the MIEU cannot organise these workers. The Registrar defines the said firm as belonging to the haberdashery industry. Obviously, it does not make any sense to define as industry based on the ultimate use of its product. Furthermore, this decision would call for the formation of another new union for the haberdashery industry only, which due to a restriction in potential membership (not more than 300) would not be able to survive and bargain effectively. Again, the ruling was made in open contradiction to the free choosing of the workers concerned, a majority of whom have expressed their will to join the MIEU.

4. Another affiliate of IMF the Machinery Manufacturing Employees' Union (MMEU) submitted a claim for recognition on January 26, 1976 to the Kwong Lee Yoon Foundry Sdn. Bhd., Ipoh, after having organised 59% of the total work force, whereas another union present in the company since ten years, the National Union of Employees in the Engineering Industry, represented only 37% of the work force. The membership check conducted by the Registrar of Trade Unions confirmed these figures. The company and the other union were advised by the Ministry of Labour not to enter into any collective agreement until the issue of recognition was solved. However, three months later the firm and the other union renewed their agreement...."

Tuan K. Pathmanaban: Minta Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan yang mana, Yang Berhormat?

Tuan K. Pathmanaban: Minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Kinta, penjelasan mengenai katanya International Metalworkers Federation, adakah dia bertanya kepada International Metalworker's Federation di dalam beberapa negara International Metalworkers Federation mempunyai affiliates, adakah kebebasan seperti yang dikatakan dalam surat itu?

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu memberi apa-apa penjelasan berkenaan dengan soalan itu. Saya bukan datang dari IMF. Saya bacakan document dari IMF.

Tuan Yang di-Pertua: Teguran Yang Berhormat itu samada Yang Berhormat bercakap itu melanggar Peraturan Tetap ataupun Yang Berhormat itu menyalah fahamkan apa Yang Berhormat tadi menjawabnya. Jadi tidak berbetulan kalau hendak bertanya perkara baharu, tidak boleh. Yang Berhormat boleh bacakan lagi.

Tuan Ngan Siong Hin: Saya sambung:

"The company and the other union were advised by the Ministry of Labour not to enter into any collective agreement until the issue of recognition was solved. However, three months later the firm and the other union renewed their agreement which was witnessed by the Ministry of Labour itself. To a protest action of picketing the company retaliated by locking out all the workers and dismissing 184 workers of the MMEU. For reinstatement, very humiliating conditions had to be accepted. The letter of the Union states: "It is most unfair on the part of the Ministry not to compel the company to accord recognition to the union that represents the majority of the workers. It is most unfair to the workers to continue to permit the National Union of Employees in the Engineering Industry to connive with the company to exploit them. To put a stop to the exploitation of the workers, we request your good self to do everything within your means to gain recognition of our

union." This request is herewith presented to the ILO.

In conclusion it is evident that the competent authorities of Malaysia have constantly and repeatedly followed a policy of fragmentation an artificial splitting up of the metalworkers' unions of the country and forcing forms of organisation contrary to the will and free choosing of the workers, thus providing unfair advantages to employers, weakening the workers' bargaining power and violating Convention No. 87. The ILO is invited to condemn these abuses and to remind the Government of Malaysia of their obligations towards the workers of their country and the international community."

Saya percaya, Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat mesti ada satu salinan dokumen ini dan jika ini tidak melanggar hak-hak buruh, saya pun tidak mengerti.

Tuan K. Pathmanaban: Yang Berhormat dari Kinta adalah seorang peguam dan dalam ucapan saya tadi ada menyebutkan bahawa ILO Convention No. 87 tidak menyekat Kerajaan Malaysia oleh kerana Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf Covention itu. Dan dengan keadaan itu tidaklah menjadi salah untuk kita menjalankan sesuatu yang difikirkan oleh I.M.F. sebagai satu kewajipan negara kita — negara Malaysia tidak ada kewajipan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu. Yang Berhormat ialah seorang peguam dan ini adalah perkara yang sangat senang untuk difahami.

Tuan Yang di-Pertua: Itu saya benarkan oleh sebab Yang Berhormat menyalah faham apa Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tadi. Sila sambungkan.

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu sambung lagi, dokumen ini ada menunjukkan bahawa Malaysia tidak mengikut Undang-undang dan menghalang perkembangan kesatuan-kesatuan sekerja di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak kemukakan di sini untuk diputuskan. Sebelum itu, sebagaimana telah saya sebutkan pada permulaan tadi ada ketinggalan sedikit perkataan dalam Usul atas nama Yang Berhormat dari Kinta iaitu ketinggalan di sini di barisan ke 5 selepas daripada perkataan '1959' itu perkataan 'dan Industrial Relations Act' — 'Akta Perhubungan Perusahaan'.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

Y.B. Tuan Azahari bin Md. Taib — *Mem-pengerusikan Mesyuarat*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat (Timbalan) Speaker ada urusan yang sangat mustahak di luar Kuala Lumpur mulai daripada petang ini dan pada beberapa hari yang akan datang. Jadi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru untuk membantu saya menguruskan pekerjaan Dewan ini dalam masa Yang Berhormat (Timbalan) Speaker tidak ada di Kuala Lumpur.

AKTA MELINDUNGI PEKERJA-PEKERJA DAN GAJI MINIMA, 1977

5.18 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1), memberi izin kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Kinta untuk mengemukakan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bertajuk Akta Melindungi Pekerja-pekerja dan Gaji Minima, 1977 bagi mengawal dan membuat peruntukan mengenai pembayaran gaji kepada pekerja-pekerja, melindungi hak-hak dan kepentingan pekerja-pekerja dan untuk menentang penindasan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dicadangkan menjadi satu perundangan social bertujuan melindungi hak-hak pekerja dan menyaingi penindasan sebagaimana yang wujud pada hari ini dalam berbagai bentuk.

Sejak merdeka, terdapat banyak perundangan, setengah darinya terlalu tidak adil. Ketidakadilan ini kadangkala mencerminkan serta menimbulkan pertelingkahan perusahaan. Pertelingkahan di antara permodalan dan buruh ini lahir dari undang-undang buruh yang tidak adil yang terdapat sekarang ini dan kurangnya perundangan yang maju yang akan memberikan saraan yang baru kepada masaalah yang baru.

Dalam sebuah masyarakat yang serba kompleks, dan lebih-lebih lagi di dalam sebuah masyarakat yang sedang membangun, concept keadilan social telah menjadi sebahagian dari kehidupan perusahaan dan ekonomi negara ini.

Di mana terdapat satu pertelingkahan permodalan dan buruh, maka di situlah terdapat ketidakadilan dan perpecahan. Maka oleh itu adalah menjadi keadilan social untuk membasmi perpecahan dan ketidakadilan ini dengan demikian dapat mengujudkan sebuah masyarakat yang lebih adil dan saksama.

Konsep keadilan social bukanlah oleh itu satu tafsiran samar sesuka hati. Ianya juga tidak tertumpu kepada pentadbiran keadilan menurut undang-undang sahaja. Matlamat konsep hidup yang tinggi ini dapat mengujudkan hak-hak dan keistimewaan yang baru.

Dengan timbulnya negeri-negeri berbentuk masyarakat social concept (keadilan sosial) ini telah diberikan pengiktirafan yang luas.

Dalam semangat inilah, Tuan Yang di-Pertua, maka Rang Undang-undang ini diperkenalkan yang akan dapat memberikan keadaan aman dan damai kepada barisan

buruh dan kemuliaan buruh. Masaalah pekerja adalah juga masaalah masyarakat dengan tidak dibiarkan atau dibiarkan menyerah atau direka keras menjadi satu bentuk oleh undang-undang yang tidak sempurna dan tidak bersemangat. Oleh itu adakah terdapat konsep keadilan sosial di Malaysia? Adakah pekerja-pekerja di negara ini secukupnya dilindungi dari penindasan yang terang dan nyata? Adakah pekerja-pekerja di negara ini dibayar dengan adil bagi kerja mereka? Kiranya tidak maka adalah matlamat akhir serta tujuan keadilan sosial untuk menentukan bahawa pekerja-pekerja di negara ini dilindungi dan menikmati sebagai satu hak gaji hidup yang lumayan, syarat kerja yang baik yang menentukan taraf kehidupan yang baik, serta penuh dengan nikmat kebahagiaan serta peluang-peluang sosial dan kebudayaan. Inilah objek-objek yang diharapkan di sebuah negara moden dan Kerajaan yang dipilih bertanggungjawab mengasas serta mengusahakan untuk diberi pengiktirafan kepada hak-hak pekerja dengan mengadakan satu perundangan yang sesuai seperti Rang Undang-undang ini.

Masa telah berubah dan Undang-undang Buruh mestilah mengikut edaran masa. Sebenarnya aturan ekonomi di Malaysia hari ini adalah lintang-pukang, tidak ada formula yang adil untuk menyelesaikan pertelingkahan berkenaan dengan gaji. Apa juga undang-undang dan jentera yang mungkin terdapat adalah tidak berkesan. Dalam kebanyakan hal undang-undang dan jentera ini adalah alat permodalan dan Kerajaan. Berbagai jenis pekerja di negara ini dibayar gaji yang rendah bekerja lebihmasa. Umpamanya, gadis-gadis kilang di kilang-kilang kain. Kebanyakan mereka bergaji kurang dari \$2.50 tiap-tiap hari termasuk Elaun Bantuan Khas. Adakah ini gaji yang adil? Adakah masyarakat adil atau adakah ianya buruh hamba abdi? Inilah sebabnya terdapat keperluan yang dilaungkan supaya diadakan satu dasar gaji yang minima. Ini dapat menjamin perlindungan dan tidak ada pekerja di dalam negara ini yang

menjalani hidup di bawah garis miskin. Berapakah gaji yang minima adalah terlalu sukar untuk diberi tafsiran, tetapi ianya mestilah didasarkan di atas konsep gaji hidup yang sejak beberapa tahun mempengaruhi penetapan gaji di kebanyakan negara-negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin quote dari buku undang-undang di Australia.

Tuan Yang di-Pertua: Buku apa?

Tuan Ngan Siong Hing: Quotation oleh seorang hakim, Justice Higgins dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam kes atau dalam buku?

Tuan Ngan Siong Hing: Dalam kes-kes.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sebut nama kes itu.

Tuan Ngan Siong Hing: Itu bukan kes, ianya definition gaji oleh Justice Higgins dari Australian Commonwealth Court of Conciliation.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dalam buku itu Yang Berhormat tentulah tahu apa nama buku itu. Minta sebutkan nama buku itu dahulu.

Tuan Ngan Siong Hing: Industrial Dispute in India.

Tuan Yang di-Pertua: Title buku itu?

Tuan Ngan Siong Hing: Industrial Dispute in India.

Tuan Yang di-Pertua: Industrial Dispute?

Tuan Ngan Siong Hing: Laws of Industrial Dispute in India.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi quote daripada buku itu?

Tuan Ngan Siong Hing: Ya, dan dia quote hakim dari Australia.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang mana hendak baca itu?

Tuan Ngan Siong Hing: Tidak panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Ngan Siong Hing: Saya quote:—

“Justice Higgins of the Australian Commonwealth Court of Conciliation defined the ‘living wage’ as:

“the normal needs of the average employee, regarded as a human being living in a civilised community.”

It must also provide for:

“a condition of frugal comfort estimated by current human standards.”

It must be a wage:

“sufficient to insure the workman food, shelter, clothing, frugal comfort, provision for evil days as well as for the special skill of an artisan if he is one.”

Tuan Yang di-Pertua, menurut South Australian Act, 1912 ganjaran hidup bermakna:—

“Sejumlah wang yang cukup bagi keperluan biasa dan menasabah seorang pekerja yang sederhana yang tinggal di sebuah tempat di mana kerja yang berkenaan itu dijalankan atau akan dijalankan.”

Tuan Yang di-Pertua, menurut Queensland Industrial Conciliation and Arbitration Act:

“Ganjaran hidup mestilah yang cukup untuk menyara seseorang pekerja yang dijaga baik akan kesihatan yang sederhana, kekuatan serta kecekapan dan isteri dan keluarga seramai 3 orang anak di dalam sesuatu taraf keselisaan yang adil dan sederhana dengan menyentuh kepada

keadaan hidup yang terdapat di kalangan pekerja-pekerja berkenaan dengan mana sesuatu ganjaran asas ditetapkan dan dengan syarat bahawa apabila menetapkan ganjaran asas seperti itu pendapatan anak-anak atau isteri seseorang pekerja itu tidak dikira.”

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu diperkatakan bahawa Kerajaan hendaklah membentuk sebuah Jawatankuasa mengenai ganjaran yang adil untuk menentukan penubuhan sebuah Lembaga Penetapan Gaji Minima yang akan membuat undang-undang dan mengawal pembayaran ganjaran kepada pekerja-pekerja dan menyaingi penindasan. Ini hendaklah termasuk antaranya peruntukan pelajaran, perubatan, keperluan-keperluan sosial dan kebudayaan. Ini adalah perlu untuk mengekalkan nilai hidup serta kecekapan dan kemahiran pekerja-pekerja.

Tidak ada sebuah Kerajaan yang mempunyai kesedaran serta kebajikan sosial pekerja-pekerja dihatinya dapat menahan serta bersabar dengan keadaan di mana pekerja-pekerja bekerja lebih masa dan dibayar ganjaran minima yang memberikan keuntungan yang maksima dengan pembayaran yang minima oleh majikannya.

Keadaan ini adalah sangat jelas sendirinya di berbagai-bagai strata rendah kehidupan ekonomi dan perusahaan. Bentuk feodalis ini masih lagi berterusan walaupun terdapat tawar-menawar pekerja dan majikan yang moden yang belum lagi memperolehi makna yang penuh tujuan di dalam perhubungan permodalan dan buruh. Kiranya Rang Undang-undang ini ditolak, saya rasa kaum pekerja akan lebih menderita lagi dan saya akan mempersalahkan Kerajaan bagi segala masalah kaum pekerja.

Maka oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membawa usul ini.

5.30 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini. Dan saya minta izin berucap sepatah dua atas usul yang telah dibentangkan oleh rakan saya dari kawasan Kinta.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara gaji minima untuk pekerja-pekerja adalah satu perkara yang mustahak dan saya rasa sangat kesal bahawa setakat hari ini Kerajaan belum dapat melaksanakan satu Rang Undang-undang mengenai Gaji Minima untuk melindungi pekerja-pekerja di negara kita ini.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, kali ini bukanlah kali yang pertama di mana pihak kami membentangkan perkara gaji minima untuk pekerja-pekerja. Oleh sebab saya ingat pada masa yang lepas kami dari pihak Pembangkang pun ada berucap di dalam Dewan ini mengenai betapa mustahaknya bagi kita mengadakan satu Rang Undang-undang untuk Gaji Minima. Tetapi malangnya pada masa yang lepas Kerajaan tidak dapat menerima cadangan kami yang pada anggapan saya adalah sangat membina.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa usul ini adalah wajar oleh kerana terdapat keadaan-keadaan di negara kita yang mana ramai pekerja-pekerja khususnya dari pihak swasta, dari kilang-kilang pembuat kain atau lain-lain yang pekerja-pekerjanya masih ditindas ataupun dieksploitasi oleh pihak majikan yang tidak bertanggungjawab.

Perkara penindasan ataupun eksploitasi ini ada berlaku dan tadi ada saya katakan bahawa 85% tenaga pekerja di dalam negara kita belum diorganisasikan dan mereka tidak ada peluang untuk memperjuangkan nasib mereka melalui Kesatuan-kesatuan Sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terdapat kelemahan ini maka ada terdapat pihak-pihak majikan yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan kelemahan ini untuk mengeksploitasi pekerja-pekerja mereka dengan membayar gaji kepada pekerja-pekerja mereka dengan gaji yang tidak berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini selalu berlaku di kalangan swasta. Tadi telah saya katakan bahawa terdapat di kilang-kilang di mana kes pekerja-pekerja dibayar lebihkurang di antara \$2.00 hingga \$2.50 sen sehari. Dan perkara ini bukan sahaja disebutkan oleh saya, tetapi saya ingat pada masa dahulu ada disebutkan oleh bekas Perdana Menteri kita, Allahyarham Tun Abdul Razak apabila Allahyarham membuat satu lawatan ke Johor yang mana beliau nampak ada kilang-kilang yang pekerja-pekerja di sana hanya mendapat gaji di antara \$2.00 hingga \$2.30 sen sehari.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kesal bahawa Kerajaan mengambil satu sikap yang degil pada masa yang lepas terhadap issue ini dan sehingga hari ini Kerajaan pun tidak dapat menunjukkan alasan-alasan yang menasabah, alasan-alasan yang dapat menyakinkan kepada kita yang mana Kerajaan tidak mahu mengemukakan dan melaksanakan satu Rang Undang-undang mengenai Gaji Minima untuk melindungi nasib mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Kerajaan akan menjawab bahawa satu Rang Undang-undang Gaji Minima untuk pekerja-pekerja tidak perlu oleh kerana terdapat beberapa Majlis-majlis Gaji (Wages Council) untuk menentukan kadar gaji kepada pekerja-pekerja. Tetapi ingin saya sebutkan dan juga tegaskan di sini bahawa sistem Majlis-majlis Gaji ini tidak berkesan oleh kerana terdapat ramai pekerja-pekerja yang tidak dapat dilindungi oleh Majli-majlis Gaji itu. Atas sebab-sebab yang telah saya sebutkan tadi, saya sekali lagi ingin menyokong usul yang telah dibawa oleh rakan saya dari kawasan Kinta.

5.36 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul yang dikemukakan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kinta.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah popular di pasaran negara-negara antara-bangsa atas soal buruh yang murah (cheap labour).

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin kita samada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Berhormat Menteri Kewangan atau Yang Berhormat Menteri Buruh apabila mereka melawat negara-negara antarabangsa untuk menarik para pelabur, mereka berkata bahawa negara kita mempunyai buruh yang murah. Ini sangat malang. Ini adalah menurunkan imej buruh-buruh kita. Ini adalah menurunkan dignity pekerja-pekerja negara kita. Adakah benar buruh-buruh di negara Malaysia gajinya murah? Kalau benar, siapa yang bertanggungjawab berbuat demikian?

Tuan Yang di-Pertua, dalam undang-undang mengenai buruh, saya boleh berkata di sini, undang-undang tentang buruh adalah tidak sesuai kepada pekerja-pekerja. Labour Laws di negara kita adalah anti-labour. Oleh sebab polisi yang dibuat oleh Barisan Nasional ialah anti-labour, oleh kerana kita ada seorang Menteri Buruh yang anti-labour. Masanya telah sampai. Sekarang kita dapati tidak ada satu undang-undang yang cukup bagi melindungi faedah pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang di hadapan Dewan ini ialah adakah Kerajaan benar-benar mahu beri gaji yang minima kepada pekerja-pekerja? Adakah Kerajaan mahu beri pekerja-pekerja kita satu dignity supaya pekerja-pekerja majoritinya dalam negara kita boleh dapat satu kehidupan yang adil dan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa usul yang di hadapan Dewan ini adalah perlu oleh sebab jikalau kita mahu bina sebuah negara yang maju, progressive dan adil patutlah kita beri pekerja-pekerja kita satu tanggagaji yang minimum supaya mereka cukup makan dan cukup belanja diri sendiri dan juga kepada keluarganya. Ini adalah sangat penting dan inilah yang kita harap satu polisi yang bersimpati kepada pekerja-pekerja akan diluluskan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh beri satu contoh di mana Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat tidak menjalankan tugas-tugas yang adil mengenai dispute antara majikan dengan pekerja-pekerja samada pekerja-pekerja itu menjadi ahli union atau tidak. Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh Madingley Estate di Kajang di mana pekerja-pekerja tidak ada union, pekerja-pekerjanya lebih kurang 100 orang telah complained kepada Kementerian Buruh yang mereka tidak dapat gaji, tidak dapat COLA, cuti dan sebagainya yang patut diperuntukan dalam undang-undang, complaint ini telah dihantar kepada Kementerian. Saya rasa sudah dua tahun, tetapi sehingga sekarang jawapan atau siasatan barangkali tidak dijalankan.

Contoh yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam satu retrenchment exercise di satu subsidiary general electrical company bernama Syarikat Electrical & Allied Industries Sdn. Bhd. di Petaling Jaya pada bulan Mei, 1977 company itu telah membuang kerja seramai 120 orang oleh sebab kilang itu telah terbakar. Perkara ini saya telah bawa dalam Ucapan Penangguhan saya dalam Dewan ini, tetapi malangnya complaint ini belum disiasat. Syarikat ini ada mempunyai union tetapi malangnya pegawai-pegawai di Kementerian Buruh tidak bersimpati dengan pekerja-pekerja. Sungguhpun mereka mempunyai satu kes yang baik dan complaint yang betul, tetapi apa sebabnya Kementerian Buruh tidak menjalankan tugas yang patut dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masanya telah sampai bahawa Kerajaan Barisan Nasional patutlah mengkaji semula polisinya dengan Kesatuan-kesatuan Sekerja supaya polisi ini boleh memberi satu dignity kepada pekerja-pekerja di Malaysia kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak memberi penjelasan. Ahli Yang Berhormat tadi ada berkata iaitu dalam penjelasan ataupun penerangan saya di luar-luar negeri kerana hendak menarik pelabur di sini, saya ada menggunakan hujah-hujah satu daripadanya terdapat di Malaysia ini cheap labour. Sepanjang ingatan saya, saya tidak pernah menggunakan hujah-hujah atau sebab-sebab bagi melabur di Malaysia ini satu daripadanya ialah di sini dapat cheap labour. Itu yang saya hendak memberi penjelasan.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak kata cheap labour, tetapi saya boleh menyatakan di sini iaitu bekas Perdana Menteri (ex-Prime Minister) ada berkata demikian dan juga ada Menteri-menteri Kabinet sekarang ini yang mengatakan kenyataan yang demikian di luar negeri.

5.45 ptg.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian perbahasan di atas usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta.

Benarkanlah saya menerangkan bahawa hasrat Kerajaan adalah untuk membawa rakyat kita baik rakyat itu seorang pekerja yang makan gaji atau seorang rakyat yang bekerja bersendirian sebagai nelayan, petani ataupun penjaja yang lain di pusat-pusat bandar atau yang lain ke satu taraf kehidupan dan kemudahan-kemudahan yang memuaskan dan bertambah dengan kemajuan-kemajuan negara kita. Itu adalah hasrat dan dasar Kerajaan dan tidak dapat dinafikan bahawa dalam usaha Kerajaan kita semenjak kita merdeka kita dapat memberi kepada rakyat kita pekerjaan yang produktif khususnya

rakyat di luar bandar dan juga yang berhijrah ke bandar-bandar daripada luar bandar untuk pekerjaan dan pendapatan yang kita tidak mimpi pada masa kita merdeka. Ahli Yang Berhormat dari Kinta dan Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah mengatakan bahawa tujuan mereka membawa usul ini adalah untuk memberi kepada pekerja-pekerja negara kita keadilan sosial (social justice) dan Ahli Yang Berhormat dari Kinta telah mengatakan jika Dewan ini menolak usul yang dibawanya itu, pekerja-pekerja akan menderita lebih, kerana kita telah menolak usulnya.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya menegaskan bahawa keadilan sosial adalah mimpi dan usaha Kerajaan yang sedia ada sekarang yang telah mentadbirkan negara kita semenjak merdeka dan keadilan sosial kehidupan yang lebih memuaskan dan saya suka menambah, kemudahan-kemudahan keluarga-keluarga bukanlah satu perkara yang boleh ditimbulkan atau didatangkan dengan adanya undang-undang sahaja. Kemajuan dan kehidupan itu adalah hasil pertamanya, saya fikir daripada perkembangan ekonomi kita. Perkembangan ekonomi dan hasilnya, peluang-peluang pekerjaan dan peluang-peluang untuk membekalkan kemudahan-kemudahan seperti bekalan air, bekalan elektrik, persekolahan, kemudahan-kemudahan untuk rawatan perubatan dan lain-lain. Segala ini adalah hasil daripada perkembangan ekonomi negara dan pendapat negara dan bukan perkara-perkara, yang dapat dilegislasi atau mengadakan undang-undang resolusi atau motion di Dewan ini.

Undang-undang mempunyai peranan yang penting kita menerima untuk menentukan bahawa kemajuan dan perkembangan yang telah ditimbulkan oleh usaha perkembangan ekonomi dapat diedarkan dengan satu keadaan yang boleh dikatakan dengan social justice atau keadilan sosial, tetapi undang-undang tidak boleh diberi peranan yang utama atau penting dalam perkara ini dan Kerajaan Malaysia kita ini sejak merdeka telah berusaha

melalui rancangan-rancangan pembangunan. Untuk membuatkan segala ini tujuan asas dan tujuan penting rancangan-rancangan itu adalah untuk membawa kepada rakyat kita ke satu taraf hidup yang lebih memuaskan dan keadilan sosial bukan sahaja untuk pekerja tetapi juga untuk semua rakyat kita, baik mereka menerima gaji atau tidak. Kita tidaklah dapat menerima hujah bahawa dengan penolakan usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta itu pekerja-pekerja dalam negara kita akan menderita. Mereka akan menderita jika kita cuba melupakan bahawa perkembangan ekonomi negara kita akan dicapai dengan usaha melaburkan wang, melaburkan modal dalam ekonomi negara kita dengan pentadbiran negara yang baik dan dengan tambahan selepas undang-undang yang ada. Dan didapati dalam negara kita beberapa undang-undang, Undang-undang Buruh dan lain-lain yang berkaitan dengan perkara keadilan dan sosial (social justice) dan memberi kepada pekerja-pekerja satu taraf pendapatan pertahanan dan kemudahan-kemudahan yang boleh dikatakan bertambah maju di bawah Ordinan Kerja, Ordinan Pampasan Pekerja atau Akta Keselamatan Sosial atau Ordinan Cuti Rehat Mingguan atau Ordinan Majlis Gaji atau Perhubungan Perusahaan dan lain-lain.

Tujuan undang-undang ini adalah untuk mempertahankan kepentingan pekerja-pekerja, mempertahankan pendapatan mereka dan mengadakan satu suasana dalam mana pekerja-pekerja melalui kesatuan-kesatuan sekerja mereka dapat berunding dengan pihak majikan untuk membaiki lagi kemudahan-kemudahan termasuk taraf gaji yang mereka dapat dan hasil ini kita pun telah nampak sejak bertahun-tahun ini. Kita melihat lebih daripada 100 dan dalam tahun lepas saya fikir lebih daripada 180 perjanjian bersama di antara majikan dan kesatuan sekerja yang meliputi beribu-ribu pekerja yang ditandatangani untuk mendatangkan kebaikan lagi dalam gaji-gaji dan kemudahan-kemudahan pekerjaan dan ini didatangkan di bawah Undang-undang yang sedia ada.

Kerajaan telah sentiasa menegaskan dan mengulas bahawa Kerajaan sedia menerima cadangan-cadangan untuk membaiki Undang-undang Buruh dan yang ada pada masa ini sedang membincangkan dengan pihak MTUC dan pihak majikan di atas beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh kedua-dua pihak untuk membaiki lagi apa yang dikatakan membaiki kemudahan-kemudahan peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam Undang-undang Buruh itu. Kita harap dan Kerajaan jujur dalam perkara ini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah memberi jaminan kepada kedua pihak bahawa Kerajaan tidak akan menolak sebarang cadangan yang berfaedah dan sewajar dengan kepentingan negara-negara dan telah juga menegaskan bahawa Kerajaan kita ini tidak akan menolak jemputan untuk membincangkan perasaan-perasaan tidak puas hati yang ada di antara majikan ataupun pekerja-pekerja. Melalui National Joint Labour Advisory Council kita telah memberi peluang kepada kedua pihak untuk menimbulkan perkara-perkara yang kurang memuaskan hati mereka dan untuk membincangkan melalui majlis itu dan mencapai satu persetujuan mengenai apa yang dirasakan sebagai satu kemajuan dan apa yang dapat diterima dalam kepentingan keseluruhan negara kita dan bukan sahaja untuk kepentingan golongan rakyat dalam negara kita. Apabila kita merujuk kepada keadaan keadilan sosial inilah perkara yang saya fikir penting untuk kita ingat bahawa keadilan sosial adalah untuk semua dan bukan sahaja untuk pekerja-pekerja yang sekarang ini mempunyai pekerjaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang tadi telah menyentuh beberapa syarikat atau tempat di mana gaji-gaji yang dibayar oleh majikan dikatakan sangat rendah. Kerajaan pun menerima bahawa di setengah tempat pekerjaan di negara Malaysia kita ini gaji yang diberi kepada pekerja-pekerja tidak begitu tinggi atau tidak dapat dibandingkan dengan gaji yang diberi dalam syarikat-syarikat yang telah lama berusaha,

yang telah dapat keuntungan yang banyak dan lain-lain, akan tetapi ini mestilah dipandang sebagai satu proses kemajuan. Kita masih ingat dalam masa 5 atau 6 tahun dahulu apabila negara kita telah menggalakkan perusahaan-perusahaan letronik dan lain-lain, gaji dan taraf kemudahan lain-lain yang dibayar oleh majikan-majikan itu adalah rendah sedikit tetapi selepas mereka telah menubuhkan kilang-kilang tersebut dan dapat melatih pekerja-pekerja dalam perusahaan-perusahaan tersebut dan dengan galakkan Kerajaan sendiri, gaji dan lain-lain kemudahan dalam perusahaan-perusahaan tersebut telah dapat bertambah baik.

Mereka pun telah dapat mengikuti example yang diberi oleh Kerajaan untuk memberi special relief allowance dan lain-lain untuk mereka mempertahankan pendapatan mereka daripada inflation dan kita dapati pada masa 50,000 atau lebih pekerja-pekerja muda yang tidak boleh dikatakan mempunyai harapan jika perusahaan letronik dan lain-lain itu tidak digalakkan dalam negara kita dan lebih daripada setengah pekerja-pekerja itu yang telah berkhidmat dengan kilang-kilang letronik dan lain-lain itu sekarang ini menerima gaji yang boleh dibandingkan dengan gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja yang dalam perusahaan-perusahaan yang telah berpengalaman dan telah lama ditubuhkan. Kita harap proses kemajuan dengan satu phase yang barangkali pada permulaannya perlahan sedikit akan dapat bertambah pesat lagi dan pada akhirnya kita akan dapat mengatakan bahawa proses pembangunan negara kita ini, perkembangan ekonomi kita ini telah dapat memberi kepada rakyat tujuan dan hasrat kita untuk memberi kepada mereka satu taraf kehidupan dan kemudahan-kemudahan lain yang boleh dikatakan memuaskan.

Ini saya boleh katakan umpamanya satu kapal terbang tidak boleh diharapkan dengan menghidupkan enjin start sahaja dapat terbang, kapal terbang itu dikenakan berlari sedikit di atas runway dan selepas itu baru

boleh terbang. Ini biasanya dalam perkembangan ekonomi juga ada take off. Bila take off selepas itu sahaja ekonomi negara itu dapat dikatakan telah maju dan kita harap usaha kita dalam negara Malaysia dengan Dasar Ekonomi Baru dan rancangan-rancangan pembangunan yang mencerminkan Dasar Ekonomi Baru itu kita akan capai satu taraf take off dan saya berani mengatakan bahawa dalam beberapa lapangan sektor ekonomi kita telahpun mencapai take off teknologi yang baik dan kemudahan kepada pekerja-pekerja yang baik.

Mungkin ada dalam segala perkara ini komplek-komplek, rayuan-rayuan daripada pekerja-pekerja di tempat-tempat yang tertentu. Kementerian sentiasa sedia menerima rayuan-rayuan ini dan seboleh-bolehnya menyasat dan menyelesaikan rayuan-rayuan yang ditimbulkan atau dikemukakan.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah mengatakan mengenai Ladang Madingley di Kajang, jika saya tidak salah, dan saya tidak dapat menjelaskan di sini apa telah terjadi kepada rayuan itu, saya sedia memberi jaminan kepada Dewan bahawa kita akan siasat rayuan yang diberi seperti itu dan Kementerian tidak berlambat-lambat dalam perkara ini. Sesungguhnya dan sebenarnya saya dapat mengatakan bahawa Pegawai-pegawai Kementerian saya tidak bersikap anti-labour atau pro-employer. Tidak. Pihak majikan (employer) dalam satu perjumpaan telah merayu kepada Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri bahawa pihak Kementerian adalah bersikap pro-labour dan sentiasa pro-labour dan tidak memberi peluang atau kemudahan kepada employer. Itulah rayuan yang diberi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri oleh wakil-wakil besar majikan-majikan negara ini.

Dikatakan dalam Dewan ini pula bahawa pegawai-pegawai Kementerian Buruh bersikap anti-labour dan tidak bersimpati dengan labour. Undang-undang Buruh yang diadakan

dalam negara kita ini adalah untuk mempertahankan kebajikan dan kebaikan pekerja-pekerja kebanyakannya dan lain-lain adalah untuk menyelaraskan kehendak-kehendak pekerja-pekerja dengan kehendak dan kepentingan negara pada amnya, tetapi dasar dan tujuan dan kegiatan pegawai-pegawai Kementerian Buruh tidak sekali-kali mengeneppikan kepentingan pekerja dalam satu-satu keadaan, di mana mereka dieksploitasikan atau diberi kemudahan-kemudahan yang tidak sejajar dengan undang-undang atas dasar-dasar Kerajaan. Pegawai-pegawai kita telah sentiasa cuba mengatasi keadaan-keadaan tersebut dan Menteri-menteri sendiri telah beberapa kali melawat tempat-tempat di mana dikatakan ada kekurangan yang banyak dan kita tidak segan untuk menyiasat dan memperbaiki kedudukan di mana-mana tempat yang kita fikir ada peluang untuk memajukan keadaan di sana-sini. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang yang mendatangkan usul-usul seperti ini di mana ucapan mereka dapat disiarkan kebanyakan tempat mereka akan juga dapat membawa komplek kepada Kementerian dan Kerajaan di mana-mana tempat yang tertentu untuk siasatan kita dan untuk mengatasi kekurangan yang ada dan bukan hanya untuk mencari peluang dan modal daripada usul-usul seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan alasan-alasan itu, saya cadangkan bahawa usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Ahli dari Kinta itu ditolak oleh Dewan yang mulia ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

AKTA BIRO SIASATAN NEGARA (PINDAAN) 1977

6.09 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk meminta keizinan Dewan ini untuk mengemukakan satu Rang Undang-undang dari ahli yang

bukan Ahli Kerajaan untuk menubuhkan BSN sebagai sebuah badan yang benar-benar bebas dan bertanggungjawab hanya kepada Parlimen supaya membebaskannya dari pengaruh politik atau campurtangan Menteri supaya badan tersebut dapat memerangi rasuah dengan lebih berkesan terutama sekali rasuah di tempat-tempat atasan politik.

Apabila Biro Siasatan Negara ditubuhkan, badan tersebut diletak di bawah jagaan Pejabat Perdana Menteri mungkin untuk memberikan gambaran kepada rakyat bahawa kerja BSN akan mendapat sokongan Perdana Menteri sendiri. Tetapi sejak bulan Januari 1976, BSN telah dipindah dari Jabatan Perdana Menteri ke Jabatan Peguam Negara dan ini menandakan penurunan pentingnya BSN di kalangan Kerajaan.

Kelemahan BSN ialah sungguhpun badan tersebut dibenarkan mengawal rasuah peringkat 'ikan bilis' badan tersebut tidak dapat membuat apa-apa tentang rasuah di peringkat 'ikan yu'. Malah dalam kes-kes yang melibatkan pegawai-pegawai kanan Kerajaan tangan BSN juga terikat dan tak payahlah kita menyebut tentang kes-kes rasuah yang melibatkan pemimpin-pemimpin kanan Kerajaan.

Satu kes yang sangat nyata ialah mengenai pembayaran rasuah berjuta-juta ringgit dalam pembelian kapal pejuang Northrop F-5. Walaupun pembicaraan yang diadakan oleh Kongress Amerika Syarikat telah membongkarkan pembayaran rasuah berjumlah berjuta-juta ringgit itu, pembongkaran tersebut yang telah dilaporkan dalam akhbar-akhbar dan juga kemudian dalam majallah *Far Eastern Economic Review* yang telah mengisi satu rencana yang panjang mengenai pembayaran tersebut, pihak Kerajaan ataupun pihak BSN tidak berkata apa-apa pun mengenai perkara itu. Selepas Ahli-ahli DAP membangkitkan perkara ini dalam Parlimen barulah Parlimen diberitahu bahawa pihak BSN telah diminta untuk menyiasat perkara tersebut.

Mengapakah BSN tidak dengan inisiatifnya sendiri memulakan siasatan dalam perkara tersebut apabila pembayaran rasuah dilaporkan dalam akhbar-akhbar antarabangsa dan tempatan beberapa bulan dahulu dan menunggu untuk digesa membuat demikian oleh Ahli-ahli Parlimen DAP dalam Dewan ini.

Pada awal bulan ini, seorang jurucakap BSN telah mengumumkan bahawa BSN telah menyiapkan siasatan ke dalam kes pembayaran komisyen dalam pembelian kapal-kapal pejuang Northrop F-5 dan beliau juga telah berkata BSN sedang menunggu untuk mendapat "lampu hijau" dari atas sebelum tindakan lanjut diambil dalam perkara tersebut.

Sungguhpun kemudian seorang bekas wing commander telah didakwa dalam mahkamah berkait dengan pembayaran wang komisyen kapal-kapal pejuang Northrop F—5 itu, soal yang sepatutnya dikemukakan ialah mengapakah menjadi perlu bagi BSN untuk mendapatkan "lampu hijau" dari atas apabila siasatan telahpun siap dan pihak BSN berpuas hati bahawa terdapat satu kes di mana pendakwaan boleh dimulakan?

Kes yang melibatkan pembelian kapal-kapal pejuang Northrop F—5 menunjuk dengan jelasnya bahawa BSN tidak benar-benar bebas untuk memulakan siasatan ataupun benar-benar bebas untuk menangkap dan mendakwa tanpa mendapatkan "green light" dari atas sungguhpun badan tersebut berpuas hati terdapat satu kes prima facie.

Kedudukan BSN adalah lebih precarious jika pegawai-pegawai politik Kerajaan yang kanan terlibat dalam perkara rasuah.

Rakyat berkehendakkan sebuah badan pencegah rasuah yang benar-benar komitted untuk menghapuskan rasuah tanpa mengira kedudukan atau pangkat politik yang disandang dan juga rakyat berkehendakkan sebuah badan pencegah rasuah yang mempunyai kuasa penuh untuk memulakan siasatan dan pendakwaan dengan tidak memperolehi "lampu hijau" dari mana-mana Menteri

supaya memastikan badan tersebut dapat memerangi rasuah tanpa dipengaruhi atau terpesong oleh pertimbangan-pertimbangan politik seorang Menteri atau Kerajaan atau executive.

Sebuah badan seumpama itu hanya dapat ujud jika sekiranya ianya tidak terletak di bawah Jabatan Peguam Negara atau Jabatan Perdana Menteri.

Sejarah BSN sejak beberapa tahun yang lalu ini, merupakan sejarah yang penuh dengan pengaruh dan campurtangan politik dalam misi BSN untuk menghapuskan rasuah terutama sekali rasuah di tempat-tempat atasan politik.

Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa Datuk Harun Idris, bekas Menteri Besar Selangor, tidak akan didakwa dalam mahkamah kerana terlibat dalam rasuah, jika beliau telah memilih untuk dibuang negeri dan menjadi Duta Besar Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu. Sepintas lalu, ingin saya berkata Kerajaan Barisan Nasional mempunyai fikiran-fikiran yang amat pelik (peculiar notions) mengenai kelayakan Duta Besar Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu.

Soal yang menjadi relevan juga ialah samada Datuk Harun Idris akan disiasat oleh BSN dan didakwa dalam mahkamah jika beliau tidak dianggap sebagai seorang pencabar politik kepada golongan yang memerintah dalam UMNO dan juga dalam Kerajaan. Apakah BSN telah siasat atau mendakwa Menteri-menteri atau. Ketua-ketua Menteri lain di mana mereka dituduh melakukan atau mengamalkan rasuah?

Adalah jelas BSN telah digunakan sebagai satu alat dalam perkelahian merebut kuasa yang berlaku dalam partai yang memerintah. Ini adalah salah dan merupakan penyalahgunaan kuasa BSN. Jika sekiranya siasatan-siasatan yang dijalankan oleh BSN menunjukkan terdapat satu kes prima facie untuk mendakwa Datuk Harun Idris kerana terlibat

dengan rasuah, maka Datuk Harun hendaklah didakwa menurut merit kes tersebut dan bukan didakwa dalam mahkamah kerana beliau merupakan pencabar politik kepada beberapa yang berkuasa dalam Kerajaan ataupun oleh kerana beliau enggan diexile ke Bangsa-bangsa Bersatu.

Jika sekiranya BSN boleh disalahgunakan untuk menghapuskan musuh-musuh politik dalam parti dan juga dalam Kerajaan, BSN boleh juga digunakan untuk melindungi penyokong-penyokong politik dan sahabat-sahabat mereka untuk menghalang kempen untuk menghapuskan rasuah di tempat-tempat atasan awam.

Ini adalah sebenarnya yang berlaku dalam akhir tahun 1975 apabila terdapat surat-surat terbuka yang diedarkan yang menuduh bahawa bekas Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad, telah menjadi seorang jutawan dan meminta BSN menyiasatnya. Apakah terdapat satu siasatan yang dijalankan oleh BSN yang mungkin akan merupakan cara yang berkesan yang terbaik sekali untuk membersihkan nama Datuk Abdullah Ahmad dari tuduhan-tuduhan rasuah itu? Tidak. Tidak terdapat apa-apa siasatan yang dijalankan oleh BSN, malah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pada 4hb. Disember, 1975 mengharamkan beberapa pucuk surat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan mensyaratkan bahawa sesiapa yang mencetak, mengeluarkan, menjual, mengedar atau menyibar ketujuh-tujuh surat tersebut boleh didenda sehingga \$2000 atau dipenjara selama tiga tahun atau kedua-duanya.

Apakah jenis surat-surat terbuka yang merupakan "subversif" atau ancaman kepada keselamatan negara ini?

Menurut *Warta Kerajaan*, surat-surat tersebut adalah:—

- (1) "Badan Pengawal Rasuah" dicetak dalam Bahasa Malaysia;

- (2) "Badan Pengawal Rasuah Siri Kedua" yang juga dicetak dalam Bahasa Malaysia;
- (3) "Anak Tani Machang Sudah Jadi Jutaan" bertarikh 2hb. September yang juga dicetak dalam Bahasa Malaysia dan dikatakan ditulis oleh Kumpulan Anti Rasuah Negara;
- (4) "Badan Pengawal Akhir" bertarikh 7hb. November dalam Bahasa Malaysia;
- (5) "Harta Timbalan Menteri" juga dalam Bahasa Malaysia yang dikatakan ditulis oleh Kumpulan Anti-Rasuah (Karan);
- (6) Satu dokumen yang memulakan dengan perkataan-perkataan "Kami Sekumpulan Rakyat Malaysia" bertarikh 2hb. September juga ditulis dalam Bahasa Malaysia yang mengandungi lima salinan sah hakmilik tanah yang didapatkan dari Pejabat Tanah yang dikatakan ditulis oleh Kumpulan Anti Rasuah Negara; dan
- (7) Sepucuk surat yang dialamatkan kepada "Para Pemimpin Nasionalis Melayu di Malaysia" juga ditulis dalam Bahasa Malaysia yang dikatakan ditulis oleh Angkatan Barisan Bertindak Melayu, Markas Satu, No. 10, South Boulevard, Paris, bertarikh 1hb. Oktober.

Ketujuh-tujuh dokumen ini adalah masih diharamkan dan saya fikir pihak yang bertanggungjawab untuk keselamatan di Malaysia merupakan satu-satu pihak di dunia ini yang telah mengharamkan salinan-salinan sah (certified copies of an extract) cabutan hakmilik dari Pejabat Tanah yang disifatkan oleh pihak Kerajaan tersebut sebagai dokumen-dokumen subversif. Saya tidak tahu samada Pejabat Tanah Kota Bahru yang menyimpan hakmilik-hakmilik itu telah melakukan satu kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri?

Saya tidak peduli atau interested sekarang samada apa yang ternyata di dalam ketujuh-tujuh dokumen itu mengenai rasuah adalah benar atau tidak tetapi cara dengan mana Kerajaan dan BSN mengendalikan tuduhan-tuduhan itu hanya membuktikan serta menguatkan alasan-alasan saya yakni BSN yang ujud sekarang ialah merupakan satu political creature Menteri yang berkenaan ataupun Kerajaan yang digunakan untuk menahan siasatan-siasatan mengenai rasuah dari dijalankan ke dalam pemimpin-pemimpin politik Kerajaan ataupun digunakan untuk memukul penentang-penentang politik.

BSN jika diletak di bawah kawalan politik Kerajaan samada di bawah jagaan Perdana Menteri atau Peguam Negara tidak boleh mempunyai kuasa yang penuh serta kebebasan untuk menyiasat, memburu dan menghapuskan rasuah terutama sekali rasuah di tempat-tempat atasan politik. Oleh kerana manusia itu adalah manusia, dan kita tidak boleh mengikis sama sekali scenario seorang Perdana Menteri, Peguam Negara atau eksekutif yang 'lemah' atau "sieged" secara politik yang ditempted menggunakan BSN sebagai alat politik untuk menghalang siasatan ke dalam penyokong-penyokong politik dan bertindak terhadap musuh-musuh politiknya.

Saya tidak membuat apa-apa "imputations" terhadap samada Peguam Negara atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, tetapi saya hanya memberi alasan-alasan bagi mengadakan perubahan-perubahan institutional dalam BSN supaya mencegah apa-apa pengaruh politik atau campurtangan Menteri dari berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sejak bulan Oktober 1974 apabila saya telah gagal mendapatkan kebenaran Dewan Rakyat untuk mengemukakan satu rang undang-undang dari ahli yang bukan Ahli Kerajaan yang berkehendakkan semua Menteri, Timbalan Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri dan Ahli-ahli Majlis Kerja Negeri (EXCO) mengistiharkan harta tahunan mereka dan juga harta keluarga

mereka, pendapat orang ramai tentang "corruptibility" pemimpin-pemimpin politik kanan terutama sekali pemimpin-pemimpin politik kanan di peringkat negeri telah meningkat.

Tidak lama dahulu tuduhan-tuduhan yang serius dan detail telah dibuat mengenai rasuah di Negeri Sabah oleh bekas Menteri-menteri Negeri Sabah dalam Kerajaan Tun Mustapha dan oleh Berjaya dan Ketua Parti Berjaya ada di sini dan beliau tentulah boleh mengesahkannya. Parti Berjaya pun ada menyeru supaya diadakan sebuah Suruhanjaya Siasatan di-Raja untuk siasat semua perkara korupsi yang bermaharajalela di Sabah dan juga mengenai tuduhan-tuduhan detail yang dilemparkan terhadap BERJAYA oleh USNO. Tetapi adakah BSN buat suatu siasatan atau membuat apa-apa tindakan? Tidak. Dan sebabnya ialah tidak lain lagi oleh kerana unsur-unsur atau sebab-sebab politik.

Sejak beberapa minggu ini, perkara penyalahgunaan kuasa oleh Kerajaan Negeri Kelantan yang telah memajak beratus-ratus ribu ekar tanah kepada sebuah syarikat asing telah dibangkitkan dalam krisis Negeri Kelantan yang berlaku sekarang. Apakah BSN telah siasat perkara penyalahgunaan kuasa ini di masa yang lampau oleh kerana perkara ini bukan satu perkara yang baru.

Di Negeri Melaka dan di Negeri Sembilan, tuduhan-tuduhan luas mengenai rasuah telah dibuat dan saudara saya, Sdr. Chan Teck Chan, Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka, juga telah beberapakali menulis kepada BSN dan kepada Peguam Negara merangkap Menteri Undang-undang, mengenai beberapa perkara yang melibatkan rasuah (dan saya sendiri pun ada menulis surat kepada bekas Pengarah BSN, Tan Sri Ibrahim Salleh mengenai hal Sri Lingga yang melibatkan 4,000 ekar tanah) tetapi sehingga hari ini tidak apa-apa yang berlaku bersabit dengan tuduhan-tuduhan tersebut. Jika sekiranya pihak BSN telah memulakan siasatan, siasatan-siasatan tersebut merupakan "inconclusive" dan sia-sia sahaja

— dan rasuah makin bertambah terus berleluasa di seluruh negara.

Selanjutnya, bagaimanakah pihak BSN dapat menyasat bahkan mendakwa Peguam Negara sendiri tuan politik biro tersebut, jika secara hypothetikal, terdapat alasan-alasan untuk siasatan dan pendakwaan?

Saya tidak mencadang bahawa Yang Berhormat Peguam Negara kita ini patut disiasat tetapi saya hanya menunjukkan “indefensibility” sebuah badan pencegah rasuah jika badan tersebut diletakkan di bawah seorang Menteri atau executive.

Sebenarnya, dalam Sidang ini saya ada bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri samada Menteri-menteri dibenar diberikan tanah semasa mereka memegang jawatan awam dan juga untuk menjelaskan bagaimana sebidang tanah telah diberi kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang oleh Kerajaan Negeri Johor. Saya tidak bercadang bahawa telah berlaku sesuatu yang tidak patut dalam pemberian tanah ini sementara menunggu jawapan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi adalah jelas BSN tidak akan dapat siasat Menterinya sendiri!

Lagi akan menjadi amat mustahil untuk menduga bahawa BSN yang diletak di bawah Kerajaan melalui seorang Menteri akan dengan inisiatifnya sendiri menyasat bagaimana seorang Menteri atau Timbalan Menteri boleh mengumpulkan kekayaan dan menjadi seorang jutawan sungguhpun beliau telah menghabiskan seluruh masa dewasanya sebagai seorang Ahli Parlimen, kemudian seorang Setiausaha Parlimen, kemudian seorang Timbalan Menteri dan akhirnya seorang Menteri dan selepas ini menjadi seorang jutawan.

Terdapat rasa tidak puas hati yang berleluasa di kalangan orang ramai terhadap kegagalan BSN untuk memerangi sebab-sebab asas yang menyebabkan rasuah-rasuah politik di peringkat atasan. Malah kedudukan dan maruah BSN telah merosot dalam pandangan

orang ramai sehingga ada beberapa orang yang berkata terdapat keperluan untuk mengadakan sebuah BSN lain untuk mengawal BSN yang ujud sekarang kerana bukan sahaja ikan-ikan yu yang dilepaskan dari jala malah juga ikan-ikan bilis.

Kerja BSN tidak sepatutnya bergantung kepada “political ups and downs” pemerintah-pemerintah politik negara. Tanpa mengira harta persendirian Menteri-menteri, BSN hendaklah bebas dan berkuasa untuk bertindak terhadap ahli-ahli politik yang bera-suah tanpa mengira kedudukan atau ketaat-setiaan politik mereka.

Ini hanya akan dapat dicapai dengan membuat BSN bertanggungjawab kepada Parlimen menerusi sebuah Jawatankuasa Pilihan mengenai BSN yang akan mengkaji setahun ke setahun kerja BSN dan juga bertindak sebagai sebuah badan penyeliaan BSN serta menjadi “watchdog” teragung mengenai rasuah — sungguhpun ianya tidak mempunyai kuasa-kuasa menyasat.

Sokongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Rang Undang-undang private member ini yang bertujuan menubuhkan BSN sebagai sebuah badan yang benar-benar bebas dari segala pengaruh politik atau campurtangan Menteri akan merupakan satu ujian tentang komitmen Kerajaan untuk memerangi rasuah — samada yang terlibat itu adalah naga atau sang kancil — kerana saya tidak nampak bagaimana seorang yang berdedikasi untuk menghapuskan rasuah boleh mententang cadangan dan usul ini.

6.25 ptg.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul ini dan saya minta izin bercakap sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa usul ini yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang, rakan saya, oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak disukai oleh semua Ahli-ahli

Yang Berhormat oleh kerana usul ini sensitive. Tetapi saya rasa kalau kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat sincere, bersih ada anti-corrupt patutlah kita semua menyokong usul ini supaya NBI boleh jadi satu badan yang bebas (Independent) yang mengatasi politik. Ini sangat penting, ini sangat mustahak. Ahli Yang Berhormat rakan saya membuat usul ini tujuannya memberi gigi kepada NBI supaya NBI boleh gigit (bite). Pada masa ini saya rasa NBI satu badan atau satu organisasi yang tidak cukup kuasa yang telah diturunkan statusnya daripada Jabatan Perdana Menteri kepada Jabatan Peguam Negara dan kita boleh tengok dalam surat-khabar, dalam surat-surat tuduhan tentang Menteri-menteri makan suap, Menteri-menteri Besar di beberapa buah negeri telah jadi jutawan, tetapi adakah NBI siasat betul-

betul tanpa arahan dari Perdana Menteri atau dari Ketua UMNO? Tidak. NBI tunggu 'green light' dari Ketua Kabinet atau Perdana Menteri. Ini saya rasa tidak memuaskan, tidak adil. Sepatutnya kita mahu NBI macam Mahkamah (Court) bebas (independent). Mereka boleh ambil tindakan sendiri apabila terima satu complaint dari sesiapapun siasat perkara ini, tetapi malangnya NBI sebagai alat parti politik tidak berkuasa untuk menghapuskan....

Tuan Azahari bin Md. Taib: Yang Berhormat boleh sambung esok. Majlis ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.